

GERAKAN SOSIAL DAN UGAMA DI RANCANGAN
TANAH FELDA PASIR RAJA, JOHOR.
TUMPUAN KEPADA PERANAN WANITA MELALUI
GERAKAN PERSATUAN WANITA (GPW).

Jamilah binti Abu Hasan

No. Matrik 039925

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

Emak, ayah dan lak
serta abang, kakak dan
adik-adik.

Sessi 1983/84

PENGHARGAAN

Dalam proses menyiapkan latihan ilmiah ini, saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Rokiah Talib yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar dan nasihat dari awal hinggalah selesai latihan ilmiah ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Ibu Pejabat FELDA, Pejabat FELDA Wilayah Johor Timur dan Pejabat FELDA Pasir Raja yang telah membenarkan kajian ini dijalankan. Kepada Pengurus serta semua pegawai-pegawai FELDA di rancangan FELDA Pasir Raja juga, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan bantuan yang telah diberikan.

Penghargaan ini tidak lengkap jika saya melupakan Pak Cik Hashim sekeluarga yang telah sudi menumpangkan saya selama kajian ini dijalankan. Tanpa jasa dan kerjasama mereka sekeluarga, kemungkinan kajian saya tidak berjalan dengan lancarnya.

Akhir kata sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah memberikan pertolongan dan kerjasama dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Terima kasih.

Jamilah Abu Hasan,
B 102, Kolej Kelima,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Februari 1984.

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini semuanya mengandungi 7 Bab.

Bab 1 adalah merupakan pengenalan iaitu menerangkan tujuan dan bidang kajian, kaedah kajian dan masalah-masalah yang timbul sewaktu kajian dijalankan.

Bab 2 ialah latar belakang FELDA secara am. Dalam bab ini diterangkan perkembangan FELDA dari mula pembukaannya, luas kawasan FELDA, Pentadbiran serta pencapaian-pencapaian FELDA di bidang ekonomi, sosial dan ugama.

Bab 3 merupakan latar belakang tempat kajian iaitu FELDA Pasir Raja. Bab ini menerangkan tahun pembukaan dan tahun pembangunannya, jenis tanaman dan luas kawasan, bilangan keluarga, kemudahan-kemudahan yang terdapat, pentadbiran dan perwakilan JKRR di rancangan ini.

Bab 4 pula mengenai latar belakang responden. Dilihat dari segi taraf umur, taraf pelajaran responden dan keluarga, jenis-jenis rumah tangga yang terdapat, taraf pendapatan, pekerjaan sampingan yang dilakukan dan bagaimana tahap penyertaan responden dalam persatuan-persatuan.

Bab 5 ialah tentang kumpulan-kumpulan sosial dan ugama yang terdapat di rancangan ini. Kumpulan ini dibahagikan kepada di peringkat rancangan dan peringkat blok. Jadi diterangkan persatuan-persatuan yang terdapat mewakili peringkat rancangan dan blok serta penubuhannya, keahliannya dan kegiatan-kegiatan yang dilakukan.

Bab 6 menerangkan tentang peranan kaum wanita melalui Gerakan Persatuan Wanita. Diterangkan latar belakang persatuan serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan, penglibatan wanita dalam GPW serta tuntutan hak 'Harta Sepencarian' wanita dalam rancangan FELDA.

Bab 7 merupakan rumusan bagi kesemua bab-bab dan bagaimana sambutan responden-responden terhadap kumpulan sosial dan ugama terutamanya oleh pihak wanita di rancangan ini.

BAB 1 - PENGANTAR	1
1.1. Tujuan dan bidang kajian	1
1.2. Kaedah kajian	3
1.3. Masalah kajian	4
BAB 2 - LATAR BELAKANG FELDA	8
2.1. Perkembangan FELDA peringkat awal (1951-1960)	9
2.2. Lima Fasa FELDA	9
2.3. Aliran Melayu	11
2.4. Keluarga Penebara FELDA	12
2.5. Pembangunan FELDA	14
2.6. Persekitaran Selain FELDA	17
2.7. Pentapakan Di Bidang Usahawan	19
2.8. Pembangunan Sosial	21
2.9. Kegiatan Ugama	23

<u>KANDUNGAN</u>	<u>Halaman</u>
Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Kandungan	iv
Senarai lampiran	vi
Senarai jadual-jadual	vii
BAB 1 - LATAR BELAKANG RESPONDEN	39
<u>Kandungan</u>	
BAB 1 - PENGENALAN	1
1.1. Tujuan dan bidang kajian	1
1.2. Kaedah Kajian	2
1.3. Masalah Kajian	4
BAB 2 - LATAR BELAKANG FELDA SECARA AM	6
2.1. Perkembangan FELDA di peringkat awal (1957-1960)	7
2.2. Luas Kawasan FELDA	9
2.3. Aturapa Kampung	11
2.4. Pemilikan Peneroka FELDA	12
2.5. Pentadbiran FELDA	14
2.6. Perwakilan Dalam JKKR	17
2.7. Pencapaian Di Bidang Ekonomi	19
2.8. Pembangunan Sosial	21
2.9. Kegiatan Ugama	23

BAB 3 - LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN : FELDA

BAB 3 - PASIR RAJA	26
3.1. Jenis Tanaman Dan Luas Kawasan	27
3.2. Kemudahan Yang Terdapat	28
3.3. Pentadbiran	33
3.4. Perwakilan JKRR di FELDA Pasir Raja	35

BAB 4 - LATAR BELAKANG RESPONDEN	39
4.1. Jenis-jenis Rumah tangga	44
4.2. Taraf Pelajaran	47
4.3. Pekerjaan Sampingan	51
4.4. Penyertaan Responden Dalam Persatuan	56

BAB 5 - KUMPULAN-KUMPULAN SOSIAL DAN UGAMA

BIBLIOGRAFI	
5.1. Kumpulan-kumpulan Di Peringkat Rancangan	69
5.1.a. Pertubuhan Belia	69
5.1.b. JKRR	72
i) Bidang Pelajaran	74
5.1.c. Seksi Ugama	75
5.1.d. Khairat Kematian	76
5.1.e. Koperasi Milik Tanah	77
i) Tujuan Penubuhan Koperasi	77
ii) Kegiatan Koperasi	79
5.2. Kumpulan-kumpulan Di Peringkat Blok	80
5.2.a. Kumpulan Gotong-royong dan Rewang	80
5.2.b. Kumpulan Yasin dan Tahlil	81

BAB 3 - LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN : FELDA	
BAB 6 - PASIR RAJA	26
3.1. Jenis Tanaman Dan Luas Kawasan	27
3.2. Kemudahan Yang Terdapat	28
3.3. Pentadbiran	33
3.4. Perwakilan JKRR di FELDA Pasir Raja	35
3.5. Aktiviti Lain	39
BAB 4 - LATAR BELAKANG RESPONDEN	39
4.1. Jenis-jenis Rumah tangga	44
4.2. Taraf Pelajaran	47
4.3. Pekerjaan Sampingan	51
4.4. Penyertaan Responden Dalam Persatuan	56
BAB 5 - KUMPULAN-KUMPULAN SOSIAL DAN UGAMA	66
BIBLIOGRAFI	
5.1. Kumpulan-kumpulan Di Peringkat Rancangan	69
5.1.a. Pertubuhan Belia	69
5.1.b. JKRR	72
i) Bidang Pelajaran	74
5.1.c. Seksi Ugama	75
5.1.d. Khairat Kematian	76
5.1.e. Koperasi Milik Tanah	77
i) Tujuan Penubuhan Koperasi	77
ii) Kegiatan Koperasi	79
5.2. Kumpulan-kumpulan Di Peringkat Blok	80
5.2.a. Kumpulan Gotong-royong dan Rewang	80
5.2.b. Kumpulan Yasin dan Tahlil	81

BAB 6 - PERANAN WANITA MELALUI GPW DALAM	
2.1. RANCANGAN TANAH FELDA PASIR RAJA	83
6.1. Aktiviti Bulanan	85
6.2. Aktiviti Mingguan	86
6.3. Aktiviti Blok	87
6.4. Aktiviti Lain	89
6.5. Penglibatan Penerokawati Dalam GPW	90
6.6. Pemilihan Ketua-ketua	93
6.7. Tuntutan Hak Wanita Dalam FELDA	95
6.8. Hak Harta Pencarian Wanita Dalam FELDA	96
BAB 7 - RUMUSAN	99
BIBLIOGRAFI	11
LAMPIRAN-LAMPIRAN	12
<u>SENARAI LAMPIRAN</u>	15
<u>PETA</u>	16
1) Kawasan Perkampungan FELDA Pasir Raja	Lampiran 1
2) Kedudukan Jalan Pertanian Ladang	Lampiran 2
<u>RAJAH-RAJAH</u>	17
1) Carta Organisasi FELDA Peraka Yang Tinggal	Lampiran 3
2) Rajah Organisasi JKRR	Lampiran 4
3) Rajah Biro-Biro JKRR	Lampiran 5
GAMBAR-GAMBAR	19
4.11 Taraf Pelajaran Bagi Semua Anggota Keluarga	19
4.12 Jenis Pekerjaan Sampingan Peneroka	22

Senarai Jadual-jadual

2.1.	Luas Kawasan Yang Dibangunkan sehingga Penghujung Tahun 1982	10
2.2.	Peneroka Mengikut Jenis Tanaman	14
2.3.	Kakitangan Kumpulan FELDA Tahun 1982	14
2.4.	Pendapatan Peneroka tahun 1982	20
3.1.	Tahun Pembangunan dan Penduduk	26
3.2.	Bancian Penduduk Hingga Bulan Mac 1983	27
3.3.	Luas Kawasan Ladang dan Kampung Serta Jumlah Pokok dan Rumah	27
3.4.	Usaha Pembesaran Rumah Peneroka Sehingga 31.12.81	29
3.5.	Jalan Pertanian Yang Diturap Laterite	30
3.6.	Bilangan Murid-murid Tadika	31
4.1.	Peringkat Umur Bagi Peneroka Dan Isteri Yang Dikaji	39
4.2.	Peringkat Umur Di kalangan Anak-anak bagi 30 keluarga	40
4.3.	Peringkat Umur Bagi Semua Anggota Keluarga	41
4.4.	Bilangan Anak-anak Daripada 30 keluarga	42
4.5.	Anggota Lain Dalam 30 Keluarga	43
4.6.	Jenis-jenis Rumah Tangga	44
4.7.	Bilangan Anak-anak Peneroka Yang Tinggal Di Dalam dan Luar Rancangan	45
4.8.	Sebab-sebab Anak Peneroka Tinggal Di Luar Rancangan	46
4.9.	Taraf Pelajaran Peneroka Dan Isteri	47
4.10.	Taraf Pelajaran Anak-anak Dari 30 Keluarga	48
4.11.	Taraf Pelajaran Bagi Semua Anggota Keluarga	50
4.12.	Jenis Pekerjaan Sampingan Peneroka	52

4.13	Jenis Pekerjaan Sampingan Isteri	53
4.14	Pendapatan Purata Kasar Sebulan Bagi 30 buah keluarga	54
4.15	Sumber-sumber Pendapatan Lain Bagi 30 Keluarga	55
4.16	Sebab-sebab Peneroka Menyertai Kumpulan Peringkat Rancangan Mengikut Pilihan Keutamaan	56
4.17	Sebab-sebab isteri peneroka menyertai kumpulan peringkat rancangan	57
4.18	Sebab peneroka tidak menyertai kumpulan peringkat rancangan	58
4.19	Sebab isteri peneroka tidak menyertai Kumpulan Peringkat Rancangan	58
4.20	Sebab Peneroka menyertai kumpulan di peringkat blok	59
4.21	Sebab isteri peneroka menyertai kumpulan di peringkat blok	60
4.22.	Sebab peneroka tidak menyertai kumpulan di peringkat blok	61
4.23	Sebab isteri peneroka tidak menyertai kumpulan di peringkat blok	61
4.24	Pandangan Peneroka Bagi Kriteria menjadi pemimpin	62
4.25	Pandangan isteri peneroka bagi kriteria menjadi pemimpin	63
4.26	Pemilihan Peneroka Untuk Menjadi Ketua Blok	64
4.27	Pemilihan Isteri Peneroka Untuk Menjadi Ketua Blok	65
5.1.	Kumpulan-kumpulan Sosial Dan Ugama Serta Kegiatannya	67
5.2.	Penyertaan 30 Rumah tinggal dalam Kumpulan Sosial Dan Ugama	68
5.3.	Jumlah bilangan belia yang berdaftar	69

	<u>Halaman</u>
5.4. Taraf Pendidikan Belia Yang Berdaftar	70
6.1. Kegiatan GPW Dan Badan Gabungannya	84
6.2. Kadar Penglibatan 30 Responden Wanita Dalam GPW	91

1.1. Tujuan Dan Bidang Kajian

Objektif kajian adalah untuk melihat atau meninjau perantaraan-perantaraan sosial dan agama yang terdapat di tanah rancangan FELDA. Rancangan tanah yang dipilih ialah FELDA Pasir Raja, Kulai, Johor.

Bidang kajian ialah menumpukan kepada perantaraan-perantaraan, penglibatan para pemangsa, sahsiah mereka ke atas perantaraan-perantaraan berkenaan dan kesan penglibatan mereka dalam perantaraan ke atas kegiatan seharian mereka samada di ladang atau tugas-tugas lain di rumah.

Di samping itu, kajian ini akan melihat kepada kegiatan kaum wanita pada kajian lebih banyak ditumpukan kepada kaum wanita. Atau lebih tepat kepada Gerakan Perantaraan Wanita (GPW) yang banyak memainkan peranan dalam kegiatan-kegiatan kaum wanita.

Perantaraan-perantaraan yang dikaji ini dilihat sejajar perkembangan-perkembangannya. Apakah perubahan dan kemajuan yang telah dicapai sejak penubuhannya serta kegiatan-kegiatan yang dijalankan di dalam perantaraan ini. Dan bagaimanakah peranan pihak pertadbiran FELDA di dalam perantaraan ini.

Penglibatan para pemangsa di dalam perantaraan-perantaraan ini dilihat siapakah yang biasanya melibatkan dalam perantaraan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu aktif dalam perantaraan dan mengapa jawatan-jawatan penting juga dikaji. Mana-

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Tujuan Dan Bidang Kajian

Tujuan kajian adalah untuk melihat atau meninjau persatuan-persatuan sosial dan ugama yang terdapat di tanah rancangan FELDA. Rancangan tanah yang dipilih ialah FELDA Pasir Raja, Kulai, Johor.

Bidang kajian ialah menumpukan kepada sejarah persatuan-persatuan, penglibatan para peneroka, sambutan mereka ke atas persatuan-persatuan berkenaan dan kesan penglibatan mereka dalam persatuan ke atas kegiatan seharian mereka samada di ladang atau tugas-tugas lain di rumah.

Oleh kerana penumpuan adalah kepada kegiatan kaum wanita maka kajian lebih banyak ditumpukan kepada kaum wanita. Atau lebih tepat kepada Gerakan Persatuan Wanita (GPW) yang banyak memainkan peranan dalam kegiatan-kegiatan kaum wanita.

Persatuan-persatuan yang dikaji ini dilihat sejarah perkembangannya. Apakah perubahan dan kemajuan yang telah dicapai sejak penubuhannya serta kegiatan-kegiatan yang dilakukan di dalam persatuan ini. Dan bagaimanakah peranan pihak pentadbiran FELDA di dalam persatuan ini.

Penglibatan para peneroka di dalam persatuan-persatuan ini dilihat siapakah yang biasanya melibatkan dalam persatuan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu aktif dalam persatuan dan memegang jawatan-jawatan penting juga dikaji. Mana-

kala siapakah pula yang tidak melibatkan diri dalam persatuan juga turut dikaji.

Gambaran para peneroka dalam persatuan-persatuan dilihat dari kehadiran dan kekerapan mereka dalam kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh persatuan-persatuan.

Dari penglibatan para peneroka ini di dalam persatuan-persatuan, dilihat pula kesannya terhadap kegiatan seharian mereka. Adakah ini menjejaskan tugas mereka di ladang atau tugas-tugas lain di rumah. Dengan penglibatan mereka ini juga dapat dilihat perhubungan antara sesama peneroka^{dan} perhubungan dengan pegawai-pegawai FELDA.

1.2. Kaedah

Kajian di FELDA Pasir Raja ini dilakukan selama sebulan iaitu dari 10 April hingga 10 Mei, 1983. Kajian ini merupakan cara Participant Observation di mana pengkaji telah tinggal bersama keluarga angkat iaitu seorang peneroka selama sebulan. Dengan mengikuti aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh para peneroka, maka banyak maklumat yang dirasaskan berguna didapati.

Sebanyak 30 dari 415 buah rumah dipilih berdasarkan sampel mengikut peringkat. Dari 30 buah rumah ini, seramai 60 orang responden iaitu terdiri dari suami dan isteri dari tiap-tiap rumah telah diinterview. Oleh kerana rancangan FELDA Pasir Raja ini dibahagikan kepada 3 peringkat maka sebanyak 10 buah rumah dipilih mewakili tiap-tiap peringkat. Pemilihan tiap-tiap rumah pula tidak dapat dijalankan secara random kerana beberapa masalah. Antaranya

ialah, ada rumah yang telah dipilih, suaminya tidak ada kerana bekerja di Singapura, rumah yang dipilih mempunyai anak-anak terdiri dari penagih dadah, jadi untuk keselamatan tidak dibenarkan pergi. (1)

Memandangkan Persatuan Peneroka adalah merupakan isu yang sensitif, Tuan Pengurus sendiri telah melarang ke rumah orang-orang yang terlibat walaupun rumah mereka ini telah dipilih. Oleh kerana itu pengkaji membuat keputusan mengambil 10 buah rumah bagi tiap-tiap peringkat.

Disebabkan pengkhususan kajian ini adalah dibidang kegiatan wanita maka bantuan dari SDA (W) adalah amat diperlukan. SDA (W) akan membawa ke rumah di mana ahli-ahli wanitanya yang aktif. Manakala yang selebihnya pengkaji pergi sendiri berdasarkan aturan deretan rumah di tiap-tiap peringkat.

Penyebaran questionnaire adalah satu cara untuk mendapatkan maklumat tentang peneroka di rancangan ini. Questionnaire ini disebar kepada peserta-peserta yang dipilih sebagai sampel kajian. Penyebaran ini dilakukan dengan pengkaji bertanyakan soalan dan responden memberi jawapan. Kadang-kadang responden diberi melihat soalan-soalan questionnaire supaya mereka lebih memahami soalan yang dikemukakan.

(1) Untuk pengetahuan, bancian resmi penagih dadah tahun 1983 di Rancangan ini ialah seramai 40 orang. Ini tidak termasuk penagih-penagih yang ramai berkeliaran dan tidak dilaporkan ke pihak berkuasa.

Temuramah juga dijalankan ke atas orang-orang tertentu seperti Pengurus FELDA, Pegawai-pegawai FELDA yang lain, SDA wanita, Pengerusi GPW, Ketua Wanita UMNO, Naib Pengerusi Koperasi Milik Tanah, Ketua-ketua Blok lelaki dan perempuan dan orang-orang perse-orangan lain yang sempat ditemui.

Data-data bertulis mengenai peneroka dan penglibatan mereka dalam persatuan diperolehi dari pejabat FELDA Pasir Raja dengan kebenaran Pengurus sendiri. Fail-fail dari berbagai persatuan yang mengandungi maklumat yang dikehendaki juga telah dapat disemak dengan kerjasama dari pihak pejabat. Data-data dari fail-fail ini adalah amat penting untuk mengetahui perjalanan persatuan-persatuan yang terdapat di rancangan ini.

Satu lagi cara yang tidak kurang pentingnya ialah dari perbualan-perbualan tidak resmi oleh pengkaji di kedai, sewaktu berjalan-jalan di waktu petang dan semasa kegiatan-kegiatan GPW serta kegiatan lain persatuan diadakan. Dengan cara ini maklumat-maklumat yang berguna telah didapati secara tidak langsung.

Pemeghatian yang dilakukan tanpa disedari oleh para peneroka juga banyak menolong kajian ini bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang dikehendaki.

1.3. Masalah Kajian

Dalam menjalankan kajian ini terutama temuramah dari rumah ke rumah, pengkaji tidak dapat menjalankannya secara bersendirian. Ini adalah kerana kawasannya adalah besar dan terpaksa menggunakan kenderaan iaitu motor. Kerana itu pengkaji terpaksa berharap

bantuan SDA (W) pada waktu sebelah pagi. Sementara sebelah petang pula oleh adik angkat atau rakan yang boleh membawa motor.

Terdapat pula beberapa buah rumah terpaksa dilawati dua kali atau lebih kerana suami tidak ada di rumah kerana bekerja di ladang atau mempunyai urusan lain. Ini telah melengahkan masa dan untuk mengatasinya kadang-kadang temuramah dijalankan pada waktu malam untuk memastikan kedua suami dan isteri ada di rumah. Akan tetapi timbul masalah lain pula di mana pada waktu malam anak-anak biasanya ada di rumah dan akan mempengaruhi jawapan responden terutama ibunya.

Ada kalanya pula suami dan isteri duduk bersama dan ini menyusahkan untuk ditemuramah kerana selalunya suami akan mempengaruhi jawapan isterinya. Oleh kerana itu pengkaji membuat helah dengan menemuramah pihak suami dahulu kemudian baru isteri. Semasa inilah bantuan dari teman yang meneman diperlukan supaya ia dapat melayan pihak isteri di waktu pengkaji menemuramah suami.

Ada juga responden yang merasa berat untuk memberikan kerjasama kerana tidak begitu memahami soalan-soalan yang dikemukakan. Masalah ini timbul terutamanya apabila menemuramah peneroka yang agak tua ataupun yang tidak aktif langsung dalam persatuan. Jadi soalan-soalan yang dikemukakan terpaksa diulang beberapa kali.

Oleh kerana sewaktu kajian dijalankan adalah musim kemarau maka bekalan air sering terganggu dan mengganggu pula temuramah yang dijalankan. Ini adalah kerana para peneroka sibuk pergi mendapatkan bekalan air ataupun sibuk menunggu lori menghantar air.

BAB 2

LATAR BELAKANG FELDA SECARA AM

FELDA telah ditubuhkan di bawah Ordinan Kemajuan Tanah Bil : 20 tahun 1952 dan dikuatkuasakan pada lhb. Julai, 1956 dan tergolong pada ketika itu dalam kategori Rancangan Penempatan Baru yang dibantu penuh. Ia ditubuhkan dengan perakuan yang telah dibuat oleh Pasukan Petugas yang dilantik oleh kerajaan pada bulan Ogos, 1955.

Pada mula-mula FELDA ditubuhkan ianya bertanggungjawab untuk merancang dan menguruskan skim-skim tanah yang di bawah kuasa Lembaga-Lembaga Negeri di Semenanjung Malaysia. Peraturan ini setelah dilaksanakan didapati telah melambatkan dan menimbulkan banyak tidak puas hati dalam membuka tanah-tanah baru. Satu masalah besar yang dihadapi oleh FELDA ketika itu ialah ia terpaksa merujuk dan bekerjasama dengan tidak kurang dari 12 Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab pada 8 Kementerian, di peringkat Pusat dan Negeri. Lalu pada 24hb. Disember, 1960 kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa khas untuk meninjau dan mengkaji teliti kembali struktur, organisasi dan kemajuan FELDA setakat itu, dan menpadangkan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang difikirkan patut.

Berasaskan laporan dan rekomen-rekomen jawatankuasa ini, satu perubahan polisi yang penting dalam pembangunan tanah telah berlaku. FELDA pun mengalami perubahan besar dari segi peranan dan organisasi. FELDA tidak lagi menjadi 'loan board' bagi kerajaan-kerajaan Negeri tetapi telah bertanggungjawab secara langsung untuk merancang, membuka tanah baru, membiayai dan man-

tadbir penempatan semula peneroka-peneroka di skimnya sendiri. Ia juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan tuas semua jabatan dan agensi kerajaan yang ada berkaitan dengan pembangunan tanah dan penempatan semula. (1)

Objektif-objektif FELDA adalah seperti berikut :

- 1) Memajukan hutan dara untuk pertanian dan penempatan.
- 2) Menempatkan rakyat yang sesuai yang tidak bertanah dengan tujuan meningkatkan taraf hidup mereka melalui corak pertanian moden.
- 3) Menyusun serta melaksanakan pembangunan tanah yang sistematik, dengan disediakan kemudahan-kemudahan latihan dan pinjaman serta khidmat pengurusan dan nasihat.
- 4) Mengadakan kemudahan-kemudahan memproses yang moden supaya peneroka-peneroka memperolehi pendapatan yang lebih baik.
- 5) Menentukan kemajuan masyarakat peneroka supaya sikap serta sistem nilai sejajar dengan keperluan pembangunan. (2)

2.1. Perkembangan FELDA di peringkat awal (1957 - 1960)

FELDA telah mula bergerak dalam tahun 1957 dan pekerjaannya bagi 4 tahun pertama iaitu dari tahun 1957 - 1960 terbahagi kepada 2 :

- 1) Mengadakan wang untuk diberikan kepada kerajaan-kerajaan negeri bagi memajukan perbadanan atau pertubuhan rancangan usaha kemajuan tanah yang diluluskan untuk pekerjaan itu.

(1) * SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN, RMK, tujuan dan perlaksanaannya, satu penilaian teoritis, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, m.s. 67.

(2) ALLADIN HASHIM, FELDA IN BRIEF, FELDA 1981, m.s. 2.

2) Dalam tahun 1958 FELDA telah menubuhkan rancangan Lembah Bilut untuk 600 keluarga yang dirancang, dibiayai dan diurus oleh FELDA sendiri.

Sehingga penghujung tahun 1960 FELDA telah membantu memajukan 15 rancangan di merata negeri Tanah Melayu. Jumlah tanaman yang disediakan ialah seluas 18,000 ekar. Di dalam semua rancangan-rancangan tanah ini, 3,000 peneroka dan keluarga masing-masing telah ditempatkan sehingga penghujung tahun 1960. (3)

Pada rancangan-rancangan dahulu yang dibantu kewangannya oleh FELDA seperti Air Lenas di Kelantan (Rancangan yang pertama), Sungai Tiang, Satu Lapan, Bukit Tembaga serta Guar Napai di Kedah, peneroka-peneroka telah mengambil bahagian penuh dari mula-mula lagi di dalam usaha menebang hutan hingga menanam getah dan seterusnya membuat rumah. Cara ini walaupun dijangkakan lebih murah pada asalnya tetapi didapati tidak memuaskan dari segi ekonomi. Ini disebabkan penebangan terlanjut menjadi 8 tahun pada hal jika mengikut biasa cuma 6 tahun sahaja.

Mulai dari tahun 1958, FELDA telah menebang hutan dengan menggunakan pembarong. Sementara itu pekerjaan menyediakan ladang iaitu membaris, membuat lubang, membuat teres serta menanam juga membangunkan rumah masih dijalankan oleh peneroka-peneroka. Satu contoh kawasan yang dibuat demikian ialah Lembah Bilut Peringkat 1.

(3) LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN.

Cara kedua ini walaupun diagak menyurangkan masa pembangunan kepada 6 tahun tetapi keseluruhannya tidak juga memuaskan. Ini bukanlah semata-mata sebab penaroka-peneroka tidak berkemahiran tetapi juga oleh sebab bidang pekerjaan sangat luas untuk diselenggarakan oleh penaroka-peneroka.

FELDA telah mengambil keputusan meluaskan pekerjaan barong meliputi menanam serta memelihara sehingga beberapa bulan termasuk membangunkan rumah-rumah peneroka. Cara ini yang telah dimulakan pada hujung tahun 1960, didapati lebih sesuai dari segi ekonomi dan berpadan dengan matlamat memberi peneroka peluang mendapat kawasan berharga yang mempunyai tanaman yang boleh mendatangkan setinggi-tinggi hasil. (4)

2.2. Luas Kawasan FELDA

Untuk sesebuah rancangan FELDA, baik kelapa sawit atau getah, tanah seluas 6,000 ekar dibuka untuk lebih kurang 400 keluarga. Kawasan ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu :

Kawasan kampung	300 ekar
Kawasan ladang	5200 ekar
Kawasan yang tidak boleh ditanam	500 ekar
Jumlah	<u>6000 ekar</u>

(4). LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN - Penyata dan kira-kira tahunan hingga 30.6.1964.

Kadang-kadang kawasan simpanan seluas 1,000 ke 1,500 ekar juga ada diuntukkan bagi sesebuah rancangan di samping 6,000 ekar tersebut. Ini bergantung kepada ada atau tidaknya tanah negeri yang kosong berhampiran rancangan tersebut. Tanah simpanan ini adalah untuk kegunaan masa depan, khususnya menampung pertumbuhan kependudukan di sesebuah rancangan.

Tiap-tiap peneroka rancangan kelapa sawit diuntukkan seluas 10 ekar untuk rancangan kelapa sawit dan 8 ekar untuk rancangan getah. Semenjak tahun 1973 untuk setiap peneroka di sesebuah rancangan FELDA diuntukkan tanah seluas 14 ekar di projek kelapa sawit atau 12 ekar di projek-projek getah. Selalunya $\frac{1}{2}$ ekar dari tanah tersebut ialah untuk kawasan rumah dan selebihnya untuk ladang.

Jumlah luas tanah yang dibangunkan oleh FELDA di 331 tanah rancangannya sehingga akhir tahun 1982 ialah seluas 601,996 hektar. Jadual di bawah menunjukkannya dengan lebih jelas.

Jadual 2.1 : Luas Kawasan Yang Dibangunkan Sehingga Penghujung Tahun 1982

	Bil. Rancangan	%	Hektar	%
Kelapa sawit	194	58.6	364,133	60.5
Getah	122	36.9	182,846	30.4
Koko	12	3.6	16,952	2.8
Tebu	2	0.6	5,118	0.8
Kopi	1	0.3	529	0.1
Bandar/Perkampungan	-	-	32,418	5.4
Jumlah	331	100	601,996	100

Sumber : FELDA

2.3. Aturupa Kampung

Pusat kampung adalah letaknya hampir kepada pusat atau kawasan rancangan supaya menjamin jarak di antara kampung dengan lot-lot yang diusahakan bercucuk tanam itu adalah paling dekat. Oleh kerana peneroka-peneroka tinggal di kawasan pusat kampung, aturupa rancangan dibentuk sesudah diperhatikan faktor-faktor yang tertentu, untuk mengelakkan supaya kawasan tanaman utama (getah atau kelapa sawit) yang terjauh sekali dari kawasan kampung tidaklah melebihi daripada 1½ batu atau 2 batu.

Kawasan tempat kediaman dikumpulkan mengelilingi pusat kampung kepada 2 atau 3 kelompok yang terdiri daripada 120 atau 180 rumah bagi satu kelompok itu. Tiap-tiap satu kelompok itu terpisah dari kelompok yang lain oleh jalan tersusun kampung itu. Tiap-tiap rumah didirikan 20 kaki dari tepi tanah cadangan untuk jalan raya. Pusat kampung dalam semua rancangan mempunyai kawasan cadangan bagi kebanyakan atau semua kegunaan berikut :

- 1) Pejabat FELDA
- 2) Balai raya
- 3) Klinik dan rumah bidan
- 4) Tempat jualan minyak dan perhentian bas
- 5) Panggung wayang gambar
- 6) Syarikat kerjasama
- 7) Padang kereta
- 8) Balai Bomba
- 9) Cadangan untuk kegunaan kerajaan
- 10) Pusat kesihatan
- 11) Pusat perusahaan tangan

- 12) Cadangan rumah sakit
- 13) Pusat perusahaan
- 14) Rumah Pengurus
- 15) Pasar
- 16) Masjid
- 17) Perpustakaan umum
- 18) Balai Polis
- 19) Pejabat Pos dan Talikom
- 20) Padang umum
- 21) Stesyen listrik
- 22) Cadangan keagamaan
- 23) Sekolah
- 24) Rumah-rumah kakitangan
- 25) Tangki air
- 26) Perkumpulan perempuan
- 27) Kelab Belia
- 28) Kelab peladang-peladang muda
- 29) Cadangan tanah perkuburan

2.4. Pemilihan Peneoka FELDA

Penyertaan dalam rancangan-rancangan tanah FELDA adalah terbuka kepada calon-calon yang terdiri daripada warga negara Malaysia yang telah berkahwin dan dalam lingkungan umur antara 18 hingga 35 tahun. Bagi bekas Ahli Pasukan Keselamatan had umur dilanjutkan kepada 40 tahun. Penyertaan dalam rancangan-rancangan FELDA adalah juga dihadkan kepada mereka yang tiada tanah atau memiliki tanah tidak lebih daripada 2 ekar.

Permohonan menjadi peneroka adalah dibuka dari masa ke semasa mengikut kedudukan calon-calon menunggu yang masih belum dapat ditempatkan bagi satu-satu negeri yang berkenaan. Bagi negeri Pahang, permohonan sentiasa dibuka kerana memandangkan bilangan rancangan-rancangan FELDA di negeri Pahang adalah banyak berbanding dengan negeri-negeri lain. (5)

Penempatan peneroka di rancangan-rancangan FELDA adalah mengikut dasar-dasar yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan. Kerajaan-kerajaan negeri juga berkehendakkan supaya tempat-tempat di rancangan dipenuhi dengan calon-calon peneroka yang terdiri daripada rakyat negeri itu sendiri. Hanya kerajaan Pahang membenarkan 50% daripada tempat-tempat yang ada, dipenuhi oleh calon-calon negeri lain dan dihadkan kepada calon-calon bumiputera.

Jumlah kesemua peneroka sehingga akhir tahun 1982 ialah 76,782 keluarga. Kedudukan pecahan keluarga peneroka mengikut jenis tanaman utama adalah seperti berikut :-

	Jumlah	%
FELDA	7,987	13.8
Perumahan	9,877	16.6
tanah asal	225	0.3
Jumlah	18,704	100.0

(5) Abdullah Yusuf - Dasar penempatan dan sistem pemilikan peneroka - satu kertas kerja di Seminar Peneroka FELDA '79 (m.s. 2).

FELDA juga mengeluarkan biasiswa untuk kakitangannya mengikut sukanya di dalam dan di luar negeri. Latihan-latihan ini

Jadual 2.2 : Peneroka Mengikut Jenis Tanaman

Jenis Tanaman	Keluarga Peneroka	%
Kelapa sawit	43,978	57.3
Getah	32,188	41.9
Tebu	438	0.6
Koke	178	0.2
Jumlah	76,782	100.0

2.5. Pentadbiran FELDA

FELDA adalah ditadbirkan oleh sebuah Lembaga yang bertanggung jawab kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. FELDA adalah sebuah organisasi yang besar dan mempunyai kakitangan seramai 18,754 menyebabkan kumpulan FELDA sebagai salah sebuah badan yang terbesar di negara ini. Pembahagian kakitangan dalam kumpulan FELDA ini boleh dilihat di dalam jadual di bawah :-

Jadual 2.3 : Kakitangan Kumpulan FELDA Tahun 1982

	Bilangan	%
FELDA	7,987	42.6
Perbadanan	9,872	52.6
Usaha sama	895	4.8
Jumlah	18,754	100.0

Kakitangan FELDA menjalani latihan melalui Institut Pembangunan Tanah (INPUT), Pusat-pusat Latihan dan Sekolah-sekolah Latihan FELDA. FELDA juga mengeluarkan biasiswa untuk kakitangannya mengikut kursus di dalam dan di luar negeri. Latihan-latihan ini

adalah untuk menghasilkan pekerja yang berdidikasi dalam menjayakan FELDA sebagai sebuah badan yang ingin memberi kehidupan yang lebih baik kepada peneroka-peneroka. (6)

Di setiap rancangan terdapat sebuah pejabat FELDA yang mempunyai seorang pengurus dan pegawai-pegawainya yang masing-masing mempunyai tugas-tugas tertentu dalam bidang pentadbiran. Kakitangan FELDA juga memainkan peranan yang penting terutamanya dalam peringkat awal kemasukan peneroka. Pada masa itu masih belum wujud lagi 'ketua' atau pemimpin di kalangan peneroka-peneroka yang baru. Dengan terwujudnya kepimpinan daripada kalangan peneroka sendiri, maka peranan ketua-ketua peneroka kian bertambah dan meluas, dan seterusnya menggantikan tugas pemimpin yang telah dimainkan oleh kakitangan FELDA. Akhirnya peranan kakitangan rancangan hanya tinggal sebagai penasihat.

Terdapat dua jenis 'ketua' dalam masyarakat rancangan FELDA. Pertamanya ialah ketua-ketua 'rasmi'. Mereka ini dipilih dengan rasmi untuk memegang jawatan 'ketua', dan diberikan tugas untuk memimpin satu-satu organisasi atau pertubuhan. Ketua-ketua dalam golongan ini adalah terdiri daripada ahli-ahli JKRR, pemimpin-pemimpin pertubuhan-pertubuhan seperti Koperasi, Jawatankuasa Masjid, PIBG, dan sebagainya.

Golongan 'ketua' yang kedua pula ialah ketua-ketua 'tidak rasmi'. Mereka ini adalah terdiri daripada peneroka yang tidak di-

(6) FELDA - FROM VISION TO REALITY, FELDA, (m.s. 4)

pilih atau dilantik secara resmi tetapi mempunyai pengaruh ke atas masyarakat rancangan. Pendapat atau pandangan mereka diterima oleh kerana pengalaman mereka yang luas, atau mereka mempunyai kebolehan yang tertentu. Kedua-dua golongan 'ketua' peneroka ini memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan rancangan-rancangan FELDA. (7)

Sistem kepimpinan yang telah wujud di rancangan-rancangan FELDA boleh dikatakan teristimewa dan unik. Berasaskan kepada kumpulan 20 orang peneroka dalam satu blok, seorang daripadanya dipilih untuk menjadi ketua. Ketua-ketua Blok pula menjadi ahli-ahli Jawatan kuasa Kemajuan Rancangan atau JKKR.

JKKR diwujudkan dengan tujuan mengadakan satu sistem perwakilan peneroka-peneroka. Melalui susun lapis perwakilan JKKR di rancangan di gabungan Wilyah dan di Gabungan Nasional, peneroka-peneroka diwakili di semua peringkat di mana dasar-dasar dibentuk dan keputusan-keputusan diambil. Penglibatan dan penyertaan peneroka-peneroka dalam pentadbiran FELDA di semua peringkat dapat dilaksanakan melalui susun lapis yang ada.

Tujuan-tujuan JKKR ditubuhkan di rancangan-rancangan ialah khasnya untuk pembangunan dan juga untuk kemajuan rancangan secara lebih teratur lagi. Tujuan-tujuan JKKR adalah seperti berikut :

-
- (7) Alladin Hashim, Pembangunan FELDA yang berterusan - 'Peranan Ketua-ketua Peneroka, satu kertas kerja di Seminar Peneroka FELDA 1979 - (m.s. 7).

Mengutamakan dan memajukan **usaha-usaha** peneroka-peneroka untuk pembangunan dan **kemajuan** rancangan dari segi ekonomi dan sosial.

Untuk menggalakkan **penyertaan** peneroka-peneroka dalam sistem demokrasi untuk mentadbirkan hal-hal yang berkenaan dengan keperluan dan kepentingan masyarakat rancangan.

Untuk merapatkan perhubungan dan kerjasama di antara peneroka dengan peneroka dan peneroka dengan pegawai-pegawai rancangan.

Untuk memberi latihan-latihan kepada ahli-ahli masyarakat rancangan tentang cara-cara tadbiran dan pengurusan rancangan mereka.

Untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah yang timbul di dalam rancangan dengan cara-cara yang bijak dan teratur melalui perundingan dan permufakatan.

Untuk membina masyarakat rancangan yang teguh dan yang mengutamakan nilai-nilai baru yang membawa kemajuan dan kesejahteraan.

Mengwujudkan dan menjalinkan persefahaman di antara peneroka-peneroka untuk mendapatkan suasana muhibah dan damai. (B)

2.6. Perwakilan dalam JKRR

Perwakilan ke dalam JKRR adalah melalui 3 cara :-

(B) GARIS PANDUAN JKRR

- 1) Ketua Blok
- 2) Wakil Tertentu - **Persatuan Belia**
- **Gerakan Persatuan Wanita**
- **Polis**
- 3) Wakil atas Undangan - **Guru Besar Sekolah**
- **Imam**

Jawatan-jawatan dalam JKJR adalah terdiri daripada :-

- 1) Pengerusi - Disandang oleh Pengurus Rancangan sehingga satu masa bila peneroka layak memikul tugas-tugas ini.
- 2) Naib Pengerusi - Dipilih oleh semua peneroka daripada ketua-ketua blok.
- 3) Setiausaha - Dipilih oleh semua peneroka daripada ketua blok.
- 4) Naib S/usaha dan Bendahari - Dipilih oleh JKJR daripada ahli-ahlinya.

JKJR menubuhkan 4 Biro untuk melaksanakan dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan yang dijalankan. Ini akan menambahkan bilangan peneroka yang terlibat dalam tadbiran JKJR. Biro merupakan badan petugas JKJR untuk menyelaraskan kegiatan badan atau pertubuhan mengikut jenis aktiviti atau bidang tertentu.

Biro ladang - Jawatan kuasa ladang

Jawatan kuasa pusat memproses getah

Badan tenaga pertanian

Biro ekonomi - Syarikat kerjasama serbaguna

Syarikat pengangkutan

Biro pelajaran dan latihan - **Jawatan kuasa TADIKA**
- **Jawatan kuasa Pelajaran**
- **Persatuan Ibu-bapa/guru**
Biro sosial dan kemasyarakatan - **Jawatan kuasa bilik bacaan**
rancangan.

- **Jawatan kuasa Perancang Keluarga dan kesihatan**
- **Badan ugama**
- **Badan kebajikan (Pengakap, St. John, Bulan Sabit & Pandu Puteri)**
- **Badan kesenian (Nasyid, Kompang dan Silat)**

2.7. Pencapaian di bidang ekonomi

Pengangguran dan penggunaan tenaga tidak penuh memang satu masalah masyarakat di luar bandar. Dengan itu FELDA melalui rancangan-rancangannya telah menempatkan semula golongan petani yang tidak bertanah dan mempunyai tanah yang sedikit. Tiap-tiap peneroka yang mengemudi setiap keluarga tersebut diuntukkan sebidang tanah kawasan rumah dan tanah ladang sekurang-kurangnya 10 ekar kini. Sebelum 1973 puratanya peneroka diuntukkan 8 ekar tanah ladang di rancangan-rancangan tanaman getah dan 10 ekar di rancangan kelapa sawit.

Tanah tani ini mereka kerjakan bersama dalam sistem blok khususnya di rancangan kelapa sawit atau secara pekebun kecil di rancangan getah. Sistem Blok ini pertama dipraktikkan di rancangan kelapa sawit RKT Soeharto (dulunya dikenali sebagai RKT Sungai Dusun).

Dalam sistem ini peneroka-peneroka dikelompokkan dalam kumpulan-kumpulan tiap-tiapnya dianggotai oleh 20 orang peneroka. Mereka menjalankan tugas menyelenggara dan menjaga ladang serta memetik buah bersama-sama. Hasil pulangan nat untuk sesuatu blok itu kemudiannya dibahagikan sama rata setelah ditolak hutang.

Perbezaan sistem atau cara mengerjakan tanah ini telah menghasilkan pendapatan purata bulanan yang berbeza antara peneroka yang menanam getah dan kelapa sawit. Di samping itu tidak dapat dinafikan juga bahawa faktor harga daya pengeluaran dan kualiti juga mempengaruhi pendapatan peneroka-peneroka tersebut. Jadual di bawah menunjukkan pendapatan purata peneroka sebulan di tahun 1982.

Jadual 2.4 : Pendapatan Peneroka Tahun 1982

Saiz Lot (Hekter)	Rancangan K/Sawit (\$ Sebulan)	Rancangan Getah (\$ Sebulan)
2.4 Hekter	-	331.84
2.8 Hekter	-	365.97
3.2 Hekter	-	432.42
4.0 Hekter	627.37	411.21
4.8 Hekter	723.43	847.96
5.6 Hekter	772.93	-
Purata	637.56	402.83

Sumber : FELDA From Vision To Reality.

Sekali imbas kita dapat rumuskan bahawa pendapatan-pendapatan ini sememangnya lebih tinggi dari sebahagian besar orang-orang luar bandar. Jadi dari segi pendapatan, peneroka-peneroka di rancangan

FELDA memang menikmati pendapatan lebih lumayan dari petani-petani lain di desa. Dengan kejayaan inilah maka FELDA melalui pembukaan tanah dan penempatan semula telah dimajukan dengan cara besar-besaran kerana ia dianggap sebagai satu agensi yang telah memberikan satu penyelesaian terhadap salah satu punca kemiskinan.

2.8. Pembangunan Sosial

Usaha pembangunan peneroka yang bertujuan mengujudkan masyarakat peneroka yang berdikari dan bertanggung-jawab adalah diambil perhatian oleh pihak FELDA. Program pembangunan sosial dan kemasyarakatan yang meliputi aspek-aspek kepimpinan, kegiatan urusniaga, pendidikan dan pelajaran bagi anak-anak peneroka dan pembangunan kerohanian telah diberi tumpuan. FELDA telah cuba mengimbangkan keperluan-keperluan dalam rancangan sosial untuk anak-anak hinggalah kepada ketua-ketua peneroka.

Kanak-kanak di rancangan FELDA ini berpeluang memasuki sekolah TADIKA. Sehingga akhir tahun 1981 TADIKA telah ditubuhkan di 176 rancangan dengan murid seramai 14,300 orang.

Pelajar-pelajar yang terpaksa meninggalkan rancangan untuk melanjutkan pelajaran menengah di sekolah-sekolah yang terpilih, kemudahan Asrama FELDA ada disediakan. Asrama FELDA di Kuala Lumpur dan di Kuantan telah dapat menempatkan seramai 613 orang pelajar hingga akhir tahun 1981.

Kegiatan melibatkan kaum wanita dalam pembangunan rancangan dilaksanakan melalui Gerakan Persatuan Wanita (GPW). Dalam tahun 1981 sebanyak 177 GPW telah ditubuhkan dengan keahlian seramai lebih kurang

67,000.

Kegiatan belia dan beliawanis rancangan melalui Persatuan Belia bertambah kepada 163 Persatuan Belia dan 18,790 ahli dalam tahun 1981.

Program pembangunan masyarakat dilaksanakan melalui penglibatan dan penyertaan peneroka dalam JKKR di peringkat Rancangan Wilayah dan Nasional. Pada akhir tahun 1981 sebanyak 182 rancangan telah menubuhkan JKKR. Bilangan Gabungan JKKR Wilayah tidak berubah dengan 16 buah seperti pada tahun sebelumnya. Gabungan JKKR Nasional telah diubah nama menjadi Jawatan kuasa Perunding Peneroka (JKPP) pada 1hb. Jun, 1981.

Untuk memperluaskan lagi penyertaan peneroka dalam bidang urusaniaga, usaha untuk menambah dan memperbaiki kemudahan-kemudahan perniagaan di rancangan telah dilaksanakan. Peruntukan bernilai \$ 4 juta melalui Tabung Khas 'Pembangunan Ekonomi Peneroka' yang telah ditubuhkan dalam tahun 1981 akan digunakan untuk membiayai pembinaan kedai-kedai batu yang akan disewakan kepada peneroka-peneroka. Pembinaan 6 unit kedai buku yang berharga lebih kurang \$150,000 telah dimulakan di 5 rancangan.

KOPERASI peneroka telah bertambah menjadi 144 KOPERASI pada akhir tahun 1981. Dari jumlah ini sebanyak 86 KOPERASI terlibat dalam kerja pengangkutan buah sawit rancangan mereka. Koperasi-koperasi ini yang mempunyai 220 lori dan 111 traktor menjalankan urusaniaga bernilai \$ 18 juta dalam tahun 1981. Melalui Gabungan KOPERASI pula, 15 rancangan telah mengadakan perkhidmatan pengangkutan awam dengan menggunakan 11 bas.

Tabung Pinjaman Pembangunan Peneroka telah mengeluarkan pinjaman berjumlah \$2.1 juta kepada 20 buah KOPERASI peneroka untuk membeli 27 buah lori, 13 buah traktor dan 7 bas sekolah. Pinjaman yang berasingan berjumlah \$127,000 telah diberi kepada peneroka-peneroka untuk berbagai kegiatan niaga di rancangan.

Dalam bidang pelaburan peneroka-peneroka telah digalakkan menyertai Amanah Saham Nasional dan juga KOPERASI Permodalan FELDA. Kira-kira 22,500 orang peneroka telah melabur dalam Amanah Saham Nasional dan seramai 4,018 telah menjadi ahli Koperasi Permodalan FELDA.

2.9. Kegiatan Ugama

Pendidikan ugama di kalangan masyarakat peneroka diteruskan sebagai usaha memperimbangkan pembangunan kerohanian dengan pembangunan ekonomi rancangan. Pegawai-pegawai ugama di peringkat Wilayah dan rancangan memberi galakan dan mengawasi kegiatan-kegiatan ugama yang termasuk juga kelas-kelas ugama.

Pegawai ugama FELDA diwujudkan sejak tahun 1971. Pegawai-pegawai ugama ini boleh dibahagikan kepada beberapa katagori :

- 1) Pegawai pembangunan peneroka kumpulan A berjumlah 6 orang.
- 2) Penolong pegawai pembangunan peneroka kumpulan B berjumlah 11 orang.
- 3) Penyelia pembangunan peneroka dan pembantu pembangunan peneroka ugama berjumlah 169 orang yang ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA.

Kursus-kursus dakwah telah mula diadakan sejak adanya pegawai-pegawai ugama ini. Kursus yang dianjurkan oleh ibu pejabat

untuk kakitangan dan peneroka adalah dengan kerjasama Pusat Islam dan badan-badan dakwah seperti ABIM dan Al-Arqam.

Sementara di peringkat Wilayah pula kakitangan dan peneroka mengikuti kursus agama di sekolah-sekolah latihan, Jabatan Agama Negeri dan di FELDA sendiri.

Di peringkat rancangan pula adalah diadakan di rancangan itu sendiri supaya lebih ramai para peneroka di rancangan itu dapat menghadirinya.

Secara keseluruhannya pegawai-pegawai agama ini menumpukan kegiatan-kegiatan agama di rancangan-rancangan FELDA serta memberikan ceramah-ceramah di samping memberi penerangan. Selain dari tertubuhnya kumpulan yasin dan tahlil yang ditubuhkan sejak tahun 1971, ditubuhkan pula kumpulan usrah atau muzakarah di peringkat rancangan. Kumpulan ini mengandungi ahli antara 7 hingga 12 orang peserta dan ditubuhkan pada tahun 1978. Ahli kumpulan ini akan membincangkan soal agama dan setiap ahlinya akan mengetuai kumpulan yasin dalam blok dan lain-lain kegiatan agama seperti sembahyang berjamaah dan ceramah. Akan tetapi tidak semua rancangan ada kumpulan seperti ini kerana tidak semua rancangan mempunyai pegawai agama untuk memerhatikan perjalanannya.

Pegawai agama adalah sangat kurang dan sebagai contoh diambil negeri Johor sahaja iaitu wilayah Johor Selatan, Timur dan Tengah.

- 1) Wilayah Johor Selatan mempunyai 15 rancangan berpeneroka dan 4 pegawai agama.
- 2) Wilayah Johor Tengah mempunyai 9 rancangan berpeneroka

dan 4 pegawai agama.

- 3) Wilayah Johor Timur mempunyai 13 rancangan berpeneroka dan 5 pegawai agama.

Setakat ini sebanyak 189 buah rancangan yang mempunyai sekolah agama dari 219 rancangan yang berpeneroka. 147 buah rancangan mempunyai bangunannya sendiri manakala 42 lagi masih menumpang di masjid, balairaya atau di sekolah kebangsaan.

Sekolah agama di rancangan adalah ditubuhkan dengan inisiatif dari FELDA sendiri. Tambahan pula di negeri Johor di mana kanak-kanak sekolah dimestikan belajar di sekolah agama di samping sekolah biasa. Jadi dalam membayar elaun kepada guru dan lain-lain kemudahan, pihak FELDA mendapat bantuan dari kerajaan negeri dan Jabatan Pelajaran.

Dari 189 buah sekolah ini mempunyai 1,042 buah kelas dan gurunya seramai 792 orang. Bilangan guru ini sedikit kerana mereka bertugas pagi dan petang. Kelas pagi bermula jam 7.30 hingga 10.00 pagi dan kelas petang jam 2.30 hingga 5.00 petang. Guru-guru ini tidak mempunyai gaji tetap, cuma elaun sahaja iaitu bantuan dari kerajaan negeri dan Jabatan Pelajaran.

Jumlah 189 13 5 147 42

Wakil & Pejabat FELDA Pasir Raja.

Jumlah rancangan berpeneroka sahaja dalam Senarai 1982 ialah

sejumlah 2,330 orang seperti di bawah ini:

(i) Peningkat + ialah tambahan kepada peningkat 1, 2 dan 3.

BAB 3

LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN : FELDA PASIR RAJA

FELDA Pasir Raja adalah termasuk dalam gugusan FELDA Taib Andak, terletak di dalam wilayah Johor Timur. Rancangan ini dibahagikan kepada 4 peringkat iaitu peringkat 1,2,3 dan 4. Akan tetapi di peringkat 4 tidak mempunyai peneroka kerana ia merupakan tambahan kepada peringkat 1,2 dan 3. Peneroka-peneroka di peringkat 1,2 dan 3 mendapat tambahan ladang kelapa sawit dari peringkat 4 ini. Jadi kajian ini ditumpukan kepada peneroka-peneroka yang tinggal di peringkat 1,2 dan 3 sahaja.

Jadual 3.1 : Tahun Pembangunan Dan Penduduk

Peringkat	Tahun Pembangunan	Kemasukan Peneroka	Bilangan Penduduk			
			Melayu	Cina	India	Jumlah
1	Dis. 1962	18.4.1967	127	-	1	128
2	Dis. 1963	14.7.1968	135	1	1	137
3	Dis. 1964	8.9.1968	150	-	-	150
4 (1)	Okt. 1970	-	-	-	-	-
Jumlah			412	1	2	415

Sumber : Pejabat FELDA Pasir Raja.

Jumlah semua penduduk sehingga bulan Mac, 1983 ialah seramai 2,565 orang seperti di dalam jadual di bawah :-

Jumlah Pukuk	57,879	60,235	73,762	39,429	274,314
Jumlah Rumah	178	137	150	-	415

(1) Peringkat 4 ialah tambahan kepada peneroka peringkat 1,2 dan 3.

Sumber : Pejabat FELDA Pasir Raja.

Jadual 3.2 : Bancian Penduduk Hingga Bulan Mac, 1983.

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
0 - 3	50	53	103
4 - 6	79	71	150
7 - 14	356	362	718
15 - 30	364	430	794
31 - 45	185	236	421
46 ke atas	231	148	379
Jumlah	1,265	1,300	2,565

Sumber : Pejabat FELDA Pasir Raja.

3.1. Jenis Tanaman Dan Luas Kawasan

Kelapa sawit merupakan jenis tanaman yang ditanam di sini, dan setiap peneroka mendapat hak sebanyak 10 ekar tiap-tiap seorang. Jadual 3.3 akan menunjukkan keluasan kawasan ladang dan kampung serta jumlah rumah dan pokok.

Jadual 3.3 : Luas Kawasan Ladang Dan Kampung Serta Jumlah Pokok Dan Rumah

Peringkat	1	2	3	4	Jumlah
Luas Ladang (Ekar)	1,064.4	1,136.0	1,358.2	664.3	4,222.9
Luas Ditanam	1,064.4	1,132.3	1,358.2	657.4	4,212.3
Jumlah Pokok	57,879	60,235	78,782	39,420	236,316
Luas Kampung	32.0	34.25	37.5	128.25	232.0
Jumlah Rumah	128	137	150	-	415

Sumber : Pejabat FELDA Pasir Raja.

Dari jadual 3.3 ini, luas ladang adalah 4222.9 ekar tetapi luas yang ditanam adalah seluas 4212.3 ekar. Manakala jumlah pokok yang terdapat ialah sebanyak 236,316 pokok. Sementara itu luas kawasan kampung ialah 232 ekar dan mempunyai sebanyak 415 buah rumah peneroka. (2)

Cara kerja dalam rancangan kelapa sawit ialah melalui kumpulan blok. Dengan menggunakan sistem undi peneroka-peneroka dikelumpukkan dalam kumpulan-kumpulan tiap-tiapnya dianggotai oleh 20 orang peneroka. Mereka menjalankan tugas menyelenggarakan dan menjaga ladang serta memetik buah bersama-sama. Hasil pulangan net untuk sesuatu blok itu kemudiannya dibahagikan samarata setelah ditolak hutang.

3.2. Kemudahan Yang Terdapat

Terdapat banyak kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak FELDA di tanah rancangan ini. Kemudahan-kemudahan asas seperti rumah, api dan air ada disediakan. Tiap-tiap peneroka telah diberi sebuah rumah dan sebagai sebuah rancangan yang telah lama, rumah asal yang hanya mempunyai sebuah bilik tidur tentulah tidak sesuai lagi. Jadi hampir kesemua peneroka di FELDA Pasir Raja ini telah mengubah-suaikan rumah mereka dengan berbagai cara mengikut kehendak mereka. Rancangan ini telah diikuti oleh lain-lain tanah rancangan FELDA seluruh negara. "The house enlargement and beautification programme that had been carried out successfully in the Taib Andak

(2) Peringkat 4 tidak mempunyai rumah peneroka tetapi sebagai kawasan bangunan awam dan kawasan kosong sahaja.

Complex Schemes is already being duplicated in other FELDA schemes all over the country. (3)

Jadual 3.4 : Usaha Pembesaran Rumah Peneroka Sehingga 31.12.81

Kategori	Jumlah rumah	Bil rumah dibina semula	Tahun Pembinaan	Pembinaan semula			Pembinaan (tambahan)		
				Batu Batu	Separuh Batu Kayu	Bhg. Depan	Bhg. Tengah	Bhg. Dapur	
	128	118	1967	3	2	-	50	60	112
		10	1979	-	-	-	-	-	-
	137	130	1968	-	3	-	89	128	125
		7	1978	-	-	-	6	6	6
	150	118	1968	1	-	-	35	113	116
		32	1977	-	4	-	5	12	16

Sumber : Pejabat FELDA Pasir Raja.

Di rancangan FELDA ini masih tidak mempunyai bekalan api elektrik. Akan tetapi semasa kajian dijalankan pada bulan April lalu, sudah terdapat tiang-tiang elektrik dan kerja-kerja pendawaian sedang dilakukan. Walau bagaimanapun tiap-tiap peneroka di sini menggunakan generator samada secara berkongsi atau persendirian. Generator yang digunakan secara berkongsi biasanya mula dibuka pada pukul 6 petang hinggalah pukul 11 atau 12 malam. Bayaran yang dikenakan biasanya bergantung kepada jumlah ramai peneroka yang berkongsi. Sebagai misalnya seorang peneroka terpaksa membayar dua belas ringgit sebulan untuk bayaran generator yang dikongsi seramai 12 orang.

Dari seorang peneroka yang mempunyai generatornya sendiri bayarannya agak lebih mahal. Untuk kegunaannya dari pukul 6 petang hingga 12 malam, 2 botol minyak petrol diperlukan, iaitu sebotol

(3) T. Shamsul Bahrin, FELDA 21 YEARS OF LAND DEVELOPMENT by Tunku Shamsul Bahrin (and). P.D.A. Perera, K.L. 77 (m.s.93)

berharga 90 sen. Jadi perbelanjaan untuk sebulan adalah dalam lingkungan lima puluh hingga enam puluh ringgit bagi minyak generator.

Kemudahan air paip telah ada di rancangan ini bermula dari bulan Ogos, 1972. Sambungan air paip persendirian dilakukan ke rumah-rumah peneroka untuk memudahkan lagi mereka. Di samping itu 2 batang stand pipe juga terdapat untuk kegunaan awam.

Jalan perhubungan yang telah diturap tar bagi jalan masuk rancangan adalah sejauh 2.5 kilometer dan jalan dalam kawasan kampung sejauh 2.25 kilometer. Manakala jalan tanah merah dalam kawasan kampung adalah sejauh 2.41 kilometer.

Jadual 3.5 : Jalan Pertanian Yang Diturap Laterite
(Pecahan Mengikut Peringkat)

Peringkat	Jarak (Rantai)
1	1453
2	1353
3	1822
4	789

Terdapat sebuah pondok perhentian bas disediakan untuk kemudahan penduduk rancangan ini menunggu bas. Kemudahan pengangkutan yang disedia ialah adanya bas-bas KOPENDA yang berulang alik antara pekan Kulai dan FELDA ini, sejam sebuah yang diusahakan oleh KOPERASI. Teksi juga merupakan satu pengangkutan yang penting, tambang \$2 dari pekan Kulai ke rancangan ini. Kereta-kereta milik persendirian juga membawa para peneroka keluar masuk dari rancangan ini.

Sebuah wakil Pos yang menjalankan urusan perkhidmatan surat-menyurat serta penjualan setem juga terdapat di rancangan ini. Sebuah pondok talipon untuk kegunaan awam juga ada disediakan, di

samping talipon untuk kegunaan pejabat yang diadakan pada tahun 1968.

Dalam bidang pelajaran, kemudahan-kemudahan seperti sekolah telah didirikan. Sekolah TADIKA telah ditubuhkan pada bulan Januari 1970 dengan mempunyai sebuah bangunannya yang tersendiri. Terdapat 2 orang guru TADIKA serta seorang Pembantu TADIKA yang mengendalikan sekolah TADIKA ini.

Jadual 3.6 : Bilangan Murid-murid TADIKA

Umur	Patut Ke TADIKA	Jumlah Pendaftaran	% Pendaftaran
6 Tahun	55 orang	52 orang	98 %
5 Tahun	50 orang	28 orang	52 %
4 Tahun	45 orang	-	-

Sebuah sekolah rendah yang dibuka pada tahun 1967, didirikan untuk menampung keperluan pendidikan bagi anak-anak peneroka. Pendidikan yang disediakan hanya ke tahap darjah 6 sahaja. Jumlah murid ialah seramai 509 orang. Semua pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah akan bersekolah di Sekolah Menengah Sultan Alauddin di FELDA Bukit Besar, iaitu sekolah menengah yang paling berhampiran.

Sekolah agama juga terdapat untuk memberi pelajaran agama kepada kanak-kanak sekolah. Bagi murid-murid yang belajar sekolah pagi akan bersekolah agama di sebelah petang. Manakala murid bersekolah petang akan belajar di sekolah agama sebelah pagi. Sekolah agama ini telah didirikan pada tahun 1969.

Sebuah masjid telah dibina pada tahun 1969 di rancangan ini. Dengan pembinaan masjid ini memudahkan lagi para peneroka melakukan amal ibadat. Selain dari bersembahyang jemaah beramai-ramai di masjid, lain-lain kegiatan ugama dan perayaan-perayaan ugama juga dapat dijalankan di masjid ini.

Walaupun tidak mempunyai pusat kesihatan, akan tetapi sebuah klinik desa yang didirikan pada tahun 1967 adalah sangat berguna. Walaupun hanya mempunyai seorang Jururawat Desa namun perkhidmatan kesihatan untuk para peneroka terutama kepada kanak-kanak dan ibu-ibu yang mengandung adalah berjalan licin.

Deretan kedai yang disediakan oleh pihak FELDA adalah untuk para peneroka yang ingin menjalankan perniagaan. Dengan adanya kedai-kedai seperti kedai runcit yang menjual keperluan harian serta ikan dan sayur, kedai gunting rambut, kedai jahit, kedai makan dan lain-lain barang merupakan satu kemudahan yang penting bagi para peneroka.

Selain dari itu bangunan-bangunan untuk persatuan-persatuan juga ada didirikan seperti bangunan untuk Gerakan Persatuan Wanita (GPW), KOPERASI, JKRR, Balairaya dan perpustakaan. Sebuah bangunan iaitu Perbadanan Niaga FELDA (PNF) yang membekalkan bahan-bahan makanan kepada peneroka juga ada didirikan.

Sebuah pejabat FELDA yang menempatkan pengurus dan pegawai-pegawainya dalam menjalankan kerja-kerja pentadbiran juga ada didirikan dan amat penting di FELDA ini. Seperti lain-lain rancangan, maka tanah rancangan di sini juga mempunyai sebuah rumah pengurus dan rumah-rumah kakitangannya. Pengurus dan kakitangan FELDA yang lain ditempat-

kan di dalam rancangan yang mereka bertugas adalah kerana untuk memudahkan para peneroka berhubung dengan mereka.

Untuk keselesaan para peneroka dalam melakukan kegiatan sukan dan berekreasi, beberapa kemudahan ada disediakan. Kemudahan itu adalah seperti padang awam, gelanggang sepak takraw dan taman selesa. Pentas juga ada didirikan pada tahun 1978, manakala panggung wayang yang dibina pada tahun 1975 juga terdapat. Sebulan sekali biasanya ada ditayangkan pertunjukan wayang gambar sebagai hiburan kepada para peneroka.

Kemudahan menyimpan wang di rancangan FELDA Pasir Raja ini adalah melalui Bank Bergerak. Bank Bergerak kepunyaan Malayan Banking biasanya akan datang pada hari Jumaat untuk menjalankan urusan penyimpanan wang para peneroka.

Kemudahan untuk melabur dalam Amanah Saham Nasional juga boleh didapati di mana dari seramai 415 orang peneroka, seramai 390 orang yang melabur. Ini termasuklah seramai 99 orang penerokawati. Jumlah pelaburan ialah sebanyak \$98,300.00

3.3. Pentadbiran

Di semua Rancangan FELDA terdapat sebuah pejabat mempunyai seorang pengurus dan kakitangannya dalam menjalankan kerja-kerja pentadbiran. Di FELDA Pasir Raja ini terdapat sebuah pejabat yang diketuai oleh seorang pengurus iaitu Encik Fuead bin Ali. Kakitangan yang lain ialah seorang penolong pengurus, penyelia-penyelia, pembantu luar, kerani, SDA(W) (Settlers Development Assistant), pemandu land rover dan pemandu traktor.

Kakitangan pejabat ini merupakan orang-orang yang menjalankan kerja pentadbiran di rancangan FELDA ini serta merupakan pihak yang bertanggung jawab dalam menjaga hal ehwal para peneroka. Oleh kerana itu mereka juga diberi rumah khas untuk kakitangan dalam rancangan di sini. Dengan ini perhubungan antara kakitangan pejabat dan para peneroka dapat dieratkan dan segala masalah yang mereka hadapi lebih mudah difahami dan dapat disalurkan ke pihak atasan dengan segera.

Satu lagi bentuk pentadbiran yang penting ialah Jawatan kuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) di mana ia memainkan peranan yang amat penting dan besar kepada para peneroka. Ini berbeza dengan pentadbiran pejabat yang menguruskan kerja-kerja pentadbiran bagi pihak FELDA sahaja.

Jawatan kuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) diwujudkan dengan tujuan mengadakan satu sistem perwakilan peneroka-peneroka. Melalui susun lapis perwakilan JKKR, penglibatan dan penyertaan peneroka-peneroka dalam pentadbiran FELDA di semua peringkat dapat dilaksanakan.

Perwakilan ke dalam JKKR adalah melalui 3 cara :-

1) Ketua Blok

2) Wakil Tertentu - Persatuan Belia

- Gerakan Persatuan Wanita

- Polis

3) Wakil atas undangan - Guru Besar Sekolah

- Imam

Di rancangan lama tiap-tiap blok 20 buah rumah akan memilih seorang ketua untuk menjadi ahli JKRR. Semua ketua-ketua blok 20 atau 24 buah rumah akan menjadi ahli JKRR.

3.4. Perwakilan JKRR di FELDA Pasir Raja

Pengerusi	- Encik Fuad bin Ali (Pengurus)
Naib Pengerusi	- Encik Atan bin Musa
Setiausaha	- Ali bin Sajom
Bendahari	- Esa bin Kadir
GPW	- Puan Zaiton binti Sarkam
Belia	- Mohd. Kamal bin Nordin

Di FELDA Pasir Raja ini terdapat 23 blok ladang untuk peneroka dan 17 blok untuk kaum wanita. Pembahagian blok yang berbeza antara lelaki dan perempuan ini tidak terdapat di semua rancangan, ianya bergantung kepada pihak pentadbiran FELDA di sesebuah rancangan itu. Pembahagian blok yang berbeza di rancangan ini ialah kerana pihak lelaki dibahagikan mengikut blok ladang dan perempuan mengikut blok GPW. Oleh kerana di FELDA ini ada menerima peneroka-peneroka baru jadi blok ladang untuk mereka ditubuhkan berasingan dari peneroka lama. Akan tetapi di pihak isteri mereka, diserapkan sahaja ke dalam blok-blok GPW yang sudah sedia ada.

Tiap-tiap blok mempunyai ahli yang berbeza-beza bilangannya. Setinggi-tinggi bilangannya adalah 20 orang dan serendah-rendahnya ialah 7 orang. Ketua blok biasanya adalah dipilih secara mengundi oleh ahli-ahli bloknya. Ketua blok ini diberi kepercayaan dalam mentadbir bloknya terutama mengenai kerja-kerja ladang.

Tugasnya bukan sahaja terhadap mengambil tahu kerja-kerja ladang di bloknya sahaja tetapi juga sebagai pembayar gaji kepada anggota bloknya. Dan yang penting sekali ialah sebagai suara ahli bloknya dalam mesyuarat-mesyuarat JKRR.

Tiap-tiap blok pula biasanya mempunyai satu pakatan, dan sumber kewangan dikutip dari tiap-tiap anggota blok tiap-tiap bulan. Wang yang dikumpul itu selain dari dijadikan sebagai tabung untuk meminjam di masa kecemasan oleh ahli-ahlinya, digunakan untuk membeli bangsal, pinggan-mangkuk dan sebagainya untuk kegunaan ahli-ahlinya semasa kenduri-kendara. Manakala blok perempuan pula biasanya mempunyai pakatan pelamin dan perkakas-perkakas untuk perkahwinan. Untuk ahli-ahli blok adalah percuma untuk menggunakannya. Akan tetapi bagi ahli blok lain, bayaran sewa dikenakan. Jadi ini juga merupakan satu sumber kewangan untuk blok itu.

Jadi dengan adanya sistem blok di bawah JKRR, ini adalah sangat penting. Ini kerana pentadbiran mudah dijalankan dari pihak atasan yang disampaikan kepada ketua blok. Ketua blok pula akan menyampaikan kepada ahli-ahli bloknya. Sesuatu kegiatan juga lebih senang diatur, misalnya kegiatan baca yasin dan gotong-royong, yang dilakukan adalah mengikut aturan blok. Dengan ini pentadbiran adalah lebih tersusun dan kemas.

Seperti yang telah diterangkan dalam Bab 1, JKRR mempunyai 4 Biro yang merupakan badan petugas JKRR untuk menyelaraskan kegiatan mengikut jenis aktiviti.

Biro-Biro JKKR Pasir Raja adalah seperti berikut :

- (1) Pengerusi - Fuad bin Ali
- (2) Naib Pengerusi - Atan bin Musa
- (3) Setiausaha - Jastan bin Busri
- (4) Bendahari - Mohd. Sulaiman

(1) Biro Pelajaran

- Pengerusi - Tumiran Haji Ikhsan
- Setiausaha - Dahlan Md. Salleh
- Bendahari - Noordin Uda

(2) Biro Masyarakat

- Pengerusi - Yahya Abd. Samad
- Setiausaha - Mohd. Kamal Noordin
- Bendahari - Maslan Abdullah

(3) Biro Ekonomi

- Pengerusi - Hamzah Hj. Mahmood
- Setiausaha - Saroni Hj. Mahfuz
- Bendahari - Asmuni Hj. Mohd. Ramli

(4) Biro Ladang

- Pengerusi - Hashim Darus
- Setiausaha - Abd. Karim Atan
- Bendahari - Mohd. Thani Ismael

JKKR biasanya mengadakan mesyuarat dan perbincangan tiap-tiap 2 bulan sekali yang dihadiri oleh ketua-ketua blok dan lain-lain ahli jawatan kuasa JKKR. Mesyuarat Exco JKKR pula diadakan pada tiap-tiap bulan yang dihadiri oleh ahli jawatan kuasa ter-

tinggi dan pengerusi-pengerusi Biro JKRR. Sementara Mesyuarat Agung JKRR merupakan mesyuarat tahunan yang dihadiri oleh semua ahli.

Semasa mesyuarat dan perbincangan ini dijalankan maka tugas-tugas ketua blok dan tugas-tugas Biro adalah amat penting. Masing-masing akan berbincang mengenai projek-projek yang telah, sedang dan akan dijalankan samada kegiatan bulanan atau tahunan. Masalah-masalah yang timbul di blok masing-masing juga akan dibincangkan supaya dapat diselesaikan atau dibawa ke peringkat yang lebih tinggi.

Umur	Sex	%	Male	%	Total	%
31 - 35	-	-	3	10	3	5
36 - 40	1	3.3	9	30	10	16.7
41 - 45	7	23.3	7	23.3	14	23.3
46 - 50	4	13.3	10	33.3	14	23.3
51 - 55	12	40	1	3.3	13	21.7
56 - 60	4	13.3	-	-	4	6.7
60 ke atas	-	-	-	-	-	-
Jumlah	30	100	30	100	60	100

Dari jumlah di atas menunjukkan bahawa taraf umur peneroka yang paling ramai sekali ialah antara 51 - 55 tahun. Jumlah 12 orang atau 40% adalah tergolong di dalam umur ini. Manakala umur seorang sahaja yang berada di peringkat di bawah 36 - 40 tahun. (1) Jadi menunjukkan bahawa sebanyak 60% dari peneroka yang dijadikan responden ini berumur lebih dari 50 tahun. Keadaan ini ialah kerana responden

(1) Peneroka ini adalah peneroka baru.

BAB 4

LATAR BELAKANG RESPONDEN

Jumlah semua penduduk di rancangan FELDA Pasir Raja ini ialah seramai 2,565 orang. Sebanyak 30 buah rumah telah dipilih sebagai sampel, iaitu mengandungi 60 responden yang terdiri dari suami dan isteri. Dari 30 buah keluarga ini terdapat seramai 236 orang bilangan anggotanya.

Jadual 4.1 : Peringkat Umur Bagi Peneroka Dan Isteri Yang Dikaji

Umur	Suami	%	Isteri	%	Jumlah	%
31 - 35	-	-	3	10	3	5
36 - 40	1	3.3	9	30	10	16.7
41 - 45	7	23.3	7	23.3	14	23.3
46 - 50	4	13.3	10	33.3	14	23.3
51 - 55	12	40	1	3.3	13	21.7
56 - 60	6	20	-	-	6	10
60 ke atas	-	-	-	-	-	-
Jumlah	30	100	30	100	60	100

Dari jadual di atas menunjukkan bahawa taraf umur peneroka yang paling ramai sekali ialah antara 51 - 55 tahun. Seramai 12 orang atau 40% adalah tergolong di dalam umur ini. Manakala cuma seorang sahaja yang berada di peringkat umur 36 - 40 tahun.⁽¹⁾ Jadi menunjukkan bahawa sebanyak 40% dari peneroka yang dijadikan responden ini berumur lebih dari 50 tahun. Keadaan ini ialah kerana ran-

(1) Peneroka ini adalah peneroka baru.

cangan FELDA ini sudah lama dibuka iaitu pada tahun 1967 mula menerima pesertanya.

Di pihak isteri pula yang paling ramai adalah dalam lingkungan umur 46 - 50 tahun seramai 10 orang. Diikuti seramai 9 orang dalam lingkungan 36 - 40 tahun dan 7 orang dalam lingkungan 41 - 45 tahun. Jadi menunjukkan bahawa kebanyakan isteri adalah berada dalam lingkungan umur 36 - 50 tahun.

Jadual 4.2 : Peringkat Umur Di Kalangan Anak-Anak Bagi 30 Keluarga

Umur	Lelaki	%	Perempuan	%	Jumlah	%
0 - 5	8	9.6	6	7.5	14	8.5
6 - 10	9	10.8	13	16	22	13.4
11 - 15	15	18.1	17	21	32	19.5
16 - 20	34	41	23	28.4	57	34.8
21 - 25	14	16.9	21	25.9	35	21.4
26 - 30	3	3.6	1	1.2	4	2.4
31 - 35	-	-	-	-	-	-
Jumlah	83	100	81	100	164	100

Bilangan keseluruhan anak-anak bagi 30 keluarga peneroka ini adalah seramai 164 orang iaitu 83 orang lelaki dan 81 orang perempuan. Jadi bilangan anak-anak lelaki cuma melebihi 2 orang sahaja dari anak-anak perempuan.

Peringkat umur yang paling ramai sekali bagi anak-anak lelaki ialah 34 orang di lingkungan umur 16 - 20 tahun. Begitu juga di pihak anak-anak perempuan iaitu 23 orang. Lingkungan umur anak-anak peneroka yang paling ramai sekali ialah di antara 16 - 20

tahun iaitu seramai 57 orang atau 34.8%.

Manakala yang paling sedikit sekali adalah di lingkungan umur 26 - 30 tahun iaitu seramai 4 orang. Terdiri dari 3 orang anak-anak lelaki dan seorang perempuan. Anak-anak peneroka dalam lingkungan ini semuanya sudah bekerja dan yang perempuannya sudah berumah tangga.

Jadual 4.3 : Peringkat Umur Bagi Semua Anggota Keluarga

Umur	Lelaki	%	Perempuan	%	Jumlah	%
0 - 5	10	8.3	9	7.7	19	8
6 - 10	10	8.3	13	11.2	23	9.7
11 - 15	16	13.3	18	15.5	34	14.4
16 - 20	34	28.3	23	19.8	57	24.1
21 - 25	14	11.6	21	18.1	35	14.8
26 - 30	4	3.3	1	0.8	5	2.1
31 - 35	1	0.8	3	2.5	4	1.6
36 - 40	1	0.8	9	7.7	10	4.2
41 - 45	7	5.8	7	6.0	14	5.9
46 - 50	4	3.3	10	8.6	14	5.9
51 - 55	11	9.1	1	0.8	12	5
56 - 60	7	5.8	-	-	7	2.9
61 ke atas	1	0.8	1	0.8	2	0.8
Jumlah	120	100	116	100	236	100

Dari 30 keluarga peneroka, terdapat seramai 236 orang bilangan anggotanya. Kaum lelaki adalah seramai 120 orang, manakala kaum perempuan seramai 116 orang. Jadi pembahagian jantina

kaum lelaki dan perempuan tidak banyak **bezanya iaitu** kaum lelaki cuma melebihi kaum perempuan hanya 4 orang.

Peratus umur yang paling tinggi **umurnya** adalah di lingkungan umur antara 16 - 20 tahun **iaitu seramai** 57 orang atau 24.1%. Mereka ini adalah 34 orang lelaki dan 23 perempuan. Jumlah yang ramai ini adalah terdiri dari belia-belia yang merupakan anak-anak peneroka di Rancangan FELDA ini.

Manakala jumlah yang sedikit **iaitu** 2 orang atau 0.8% adalah di lingkungan umur 61 tahun ke atas. Mereka ini bukanlah terdiri dari peneroka tetapi merupakan mertua dan bapa kepada peneroka. Di lingkungan umur ini seorang lelaki dan seorang perempuan yang masing-masing berumur 80 tahun. Peneroka-peneroka yang telah ditemui ini tidak seorangpun yang berumur 61 tahun ke atas.

Jadual 4.4 : Bilangan Anak-Anak Daripada 30 Keluarga

Jumlah Anak	Bilangan Keluarga	%
1	-	-
2	3	10
3	4	13.3
4	4	13.3
5	4	13.3
6	6	20
7 dan lebih	9	30
Jumlah	30	100

Dari 30 keluarga peneroka ini sebanyak 9 keluarga atau 30% mempunyai bilangan anak lebih dari 7 orang. Jadi menunjukkan

majoriti dari peneroka-peneroka ini mempunyai jumlah anak yang agak ramai. Tidak ada sebuah keluarga pun yang hanya mempunyai seorang anak. Manakala 3 keluarga atau 10% mempunyai jumlah anak seramai 2 orang.

Jadual 4.5 : Anggota Lain Dalam 30 Keluarga

Jenis Hubungan	Bilangan	%
Mertua	2	0.8
Menantu	1	0.4
Adik	1	0.4
Adik Saudara	1	0.4
Cucu	7	2.9
Jumlah	12	5.0

Selain dari peneroka dan anak-anak, terdapat anggota lain yang tinggal bersama di rancangan ini. Jumlah mereka ini semua adalah seramai 12 orang atau 5% dari seluruh bilangan iaitu 236. Cucu seramai 7 orang adalah yang paling ramai dan mereka ini tinggal di rancangan ini kerana ibu atau bapa mereka juga tinggal di sini.

Terdapat juga 12 orang keluarga atau 5.1% yang terdiri dari

anak tinggal di luar rancangan

4.1. Jenis-Jenis Rumah Tangga

Jadual 4.6 : Jenis-Jenis Rumah Tangga

Jenis	Jumlah	%
S I A	20	66.7
S I A M C	5	16.7
S I A L	4	13.3
S I *	1	3.3
Jumlah	30	100

Catitan : S = Suami, I = Isteri, A = Anak
M = Menantu, C = Cucu, L = Lain-lain (Emak,
Bapa, Anak Saudara, Adik dan lain-lain).

Dari jadual di atas, 20 keluarga atau 66.7% di rancangan ini adalah terdiri dari keluarga kecil yang terdiri dari suami, isteri dan anak-anak sahaja. Ini menunjukkan lebih dari separuh peneroka-peneroka ini hanya tinggal bersama isteri dan anak-anak mereka sahaja tanpa ada anggota keluarga lain yang menumpang.

Sementara keluarga besar yang terdiri dari 3 jenerasi iaitu suami dan isteri, anak, menantu dan cucu cuma terdapat 5 keluarga sahaja atau 16.7%.

Terdapat juga satu keluarga atau 3.3% yang terdiri dari suami dan isteri sahaja. Mereka ini sebenarnya mempunyai anak tetapi tinggal di luar rancangan kerana telah bekerja.

* Anak tinggal di luar rancangan

Jadual 4.7 : Bilangan Anak-Anak Peneroka Yang Tinggal
Di Dalam Dan Luar Rancangan

Umur	Dalam	%	Luar	%
0 - 5	14	8.5	-	-
6 - 10	22	13.4	-	-
11 - 15	32	19.5	-	-
16 - 20	46	28	11	6.7
21 - 25	23	14	12	7.3
26 - 30	2	1.2	2	1.2
Jumlah	139	84.6	25	15.2

Jumlah Penuh Anak-Anak Peneroka ialah seramai 164 Orang.

Dari seramai 164 orang anak-anak peneroka cuma seramai 25 orang atau 15.2% tinggal di luar rancangan. Manakala selebihnya seramai 139 orang atau 84.6% lagi adalah tinggal di dalam rancangan bersama keluarga mereka.

Umur anak-anak yang tinggal di luar rancangan adalah dari umur 16 tahun ke atas. Anak-anak dari umur 16 - 20 tahun terdapat 11 orang yang tinggal di luar rancangan. Kebanyakan mereka yang berumur di lingkungan ini adalah bersekolah di tempat lain atau menjalani latihan di maktab perguruan.

Manakala yang berada dalam lingkungan umur 21 - 25 tahun yang sudah berkahwin dan tinggal di luar rancangan terdapat seorang pula kebanyakannya sudah bekerja ataupun menuntut di Universiti. 2 orang lagi yang berumur antara 26 - 30 tahun ini pula seorang bekerja dan seorang lagi sudah berumah tangga.

Sementara itu anak-anak yang tinggal di rancangan bersama ibu bapa mereka semuanya adalah berumur di bawah 15 tahun. Mereka ini bersekolah di dalam rancangan dan yang masih kecil adalah di bawah jagaan ibu bapa mereka.

Jadual 4.8 : Sebab-Sebab Anak Peneroka Tinggal Di Luar Rancangan

Sebab Tiada Di Rancangan	Jumlah	%
Menuntut Atau Bersekolah	13	52
Bekerja	11	44
Sudah Berumah Tangga	1	4
Lain-Lain	-	-
Jumlah	25	100

Dari seramai 25 orang anak peneroka yang tinggal di luar rancangan, seramai 13 orang atau 52% adalah kerana menuntut atau bersekolah. Anak-anak itu ramai yang bersekolah di luar rancangan kerana terpilih ke sekolah asrama penuh, atau menuntut di dalam tingkatan 6 ataupun bersekolah swasta. Anak-anak yang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi samada di maktab perguruan atau universiti juga adalah tinggal di luar rancangan.

Sementara anak-anak peneroka yang tinggal di luar rancangan kerana bekerja pula terdapat seramai 11 orang atau 44%. Manakala yang sudah berkahwin dan tinggal di luar rancangan terdapat seorang atau 4%.

4.2. Taraf Pelajaran

Dalam membincangkan taraf pelajaran di FELDA ini akan dilihat dari 3 sudut iaitu taraf pelajaran bagi peneroka dan isteri, anak-anak dan 30 buah keluarga. Dari jadual-jadual yang diberikan nanti, kita dengan lebih jelas dapat melihat taraf pelajaran yang berbeza dicapai oleh anak-anak peneroka dengan ibu bapa mereka.

Taraf pelajaran yang tinggi dicapai oleh anak-anak peneroka ini adalah kerana terdapatnya kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pihak FELDA. Dan yang tidak kurang pentingnya ialah kerana kesedaran ibu bapa terhadap pentingnya pelajaran kepada anak-anak.

Jadual 4.9 : Taraf Pelajaran Peneroka Dan Isteri

Taraf Pelajaran	Lelaki	%	Perempuan	%	Jumlah	%
Darjah 6	10	33.3	6	20	16	26.6
Darjah 5	7	23.3	4	13.3	11	18.3
Darjah 4	7	23.3	2	6.6	9	15
Darjah 3	1	3.3	3	10	4	6.6
Darjah 2	2	6.6	2	6.6	4	6.6
Darjah 1	-	-	-	-	-	-
Sekolah Ugama	-	-	1	3.3	1	1.6
Sekolah Dewasa	-	-	1	3.3	1	1.6
Tidak Bersekolah	3	10	11	36.6	14	23.3
Jumlah	30	100	30	100	60	100

Dari jadual di atas menunjukkan 60 responden yang terdiri dari para peneroka dan isteri masing-masing, taraf pelajaran mereka adalah di peringkat sekolah rendah. Kecuali seorang mempunyai pen-

didikan hingga ke menengah khas sekolah agama.

Seramai 16 orang iaitu 10 lelaki dan 6 perempuan adalah mendapat pelajaran hingga ke peringkat darjah 6. Sementara mereka yang tidak bersekolah pula adalah seramai 14 orang atau 23% yang terdiri dari 3 lelaki dan 11 perempuan.

Ini menunjukkan bahawa bilangan responden yang mendapat pelajaran tinggi iaitu darjah 6 adalah hampir sama dengan bilangan mereka yang tidak bersekolah.

Jadual 4.10 : Taraf Pelajaran Anak-Anak Dari 30 Keluarga

Taraf Pelajaran	Lelaki	%	Perempuan	%	Jumlah	%
Universiti	4	4.8	-	-	4	2.4
Maktab	2	2.4	3	3.7	5	3
Tingkatan 6	3	3.6	2	2.4	5	3
Tingkatan 5	18	21.6	16	19.7	34	20.7
Tingkatan 4	5	6	6	7.4	11	6.7
Tingkatan 3	18	21.6	14	17.2	32	19.5
Tingkatan 2	3	3.6	1	1.2	4	2.4
Tingkatan 1	-	-	4	4.9	4	2.4
Darjah 6	6	7.2	9	11.1	15	9.1
Darjah 5	3	3.6	3	3.7	6	3.6
Darjah 4	3	3.6	4	4.9	7	4.2
Darjah 3	1	1.2	6	7.4	7	4.2
Darjah 2	-	-	5	6.1	5	3
Darjah 1	3	3.6	1	1.2	4	2.4
TADIKA	3	3.6	-	-	3	1.8
Sekolah Agama	1	1.2	1	1.2	2	1.2
Tidak Bersekolah	1	1.2	-	-	1	0.6
Belum Bersekolah	9	10.8	6	7.4	15	9.1
Jumlah	83	100	81	100	164	100

Dari jadual di atas kita dapat lihat betapa besarnya perbezaan taraf pelajaran antara anak-anak peneroka dengan ibu-bapa mereka. Para peneroka dan isteri cuma mendapat pelajaran yang paling tinggi ialah sehingga darjah 6 sahaja. Manakala anak-anak mereka telah mencapai hingga ke peringkat universiti.

Pencapaian pelajaran mereka yang tinggi ini adalah kerana terdapatnya kemudahan-kemudahan dari segi pelajaran yang telah disediakan oleh pihak FELDA. Di tiap-tiap rancangan FELDA yang mempunyai sekolah TADIKA dan sekolah rendah, merupakan pendidikan awal yang amat penting kepada anak-anak peneroka. Dengan adanya kelas-kelas bimbingan banyak menolong anak-anak peneroka berjaya dalam peperiksaan dengan lebih baik.

Dari jadual menunjukkan bahawa terdapat seramai 4 orang atau 2.4% telah berjaya hingga ke peringkat universiti. Keempat-empat mereka ini adalah semuanya lelaki.

Manakala taraf pelajaran yang paling ramai dicapai ialah hingga tingkatan lima iaitu 34 orang atau 20.7%. Lelaki seramai 18 orang dan perempuan 16 orang. Peringkat hingga tingkatan tiga pula seramai 32 orang atau 19.5% iaitu 18 lelaki dan 14 perempuan. Taraf pelajaran hingga ke tingkatan lima dan tiga merupakan tingkat di mana seseorang itu menamatkan persekolahannya. Oleh kerana itulah jumlah masing-masing adalah hampir sama.

Walaupun bagaimanapun terdapat seorang atau 0.6% anak peneroka lelaki yang tidak bersekolah. Anak peneroka ini adalah berumur 23 tahun dan sememangnya tidak bersekolah sebelum keluarganya memasuki rancangan FELDA lagi. Ini menunjukkan bahawa mungkin faktor-faktor

lain sebelum memasuki rancangan menyebabkan ia tidak bersekolah, dan bukan setelah memasuki rancangan. Semua anak-anak peneroka adalah diambil berat oleh pihak FELDA tentang persekolahan mereka, jadi apabila sudah cukup umur mereka untuk bersekolah, mereka akan dimasukkan ke sekolah rendah di dalam rancangan.

Jadual 4.11 : Taraf Pelajaran Bagi Semua Anggota Keluarga

Taraf Pelajaran	Lelaki	%	Perempuan	%	Jumlah	%
Universiti	4	3.3	-	-	4	1.6
Maktab	2	1.6	3	2.5	5	2.1
Tingkatan 6	3	2.5	2	1.7	5	2.1
Tingkatan 5	18	15.0	16	13.7	34	14.4
Tingkatan 4	5	4.1	6	5.1	11	4.6
Tingkatan 3	19	15.8	14	12.0	33	13.9
Tingkatan 2	4	3.3	1	0.8	5	2.1
Tingkatan 1	1	0.8	4	3.4	5	2.1
Darjah 6	17	14.1	15	12.9	32	13.5
Darjah 5	9	7.5	8	6.8	17	7.2
Darjah 4	10	8.3	6	5.1	16	6.7
Darjah 3	2	1.6	9	7.7	11	4.6
Darjah 2	2	1.6	7	6.0	9	3.8
Darjah 1	3	2.5	1	0.8	4	1.6
TADIKA	3	2.5	1	0.8	4	1.6
Sekolah Ugama	2	1.6	2	1.7	4	1.6
Sekolah Dewasa	-	-	1	0.8	1	0.4
Tidak Bersekolah	6	5.0	12	10.3	18	7.6
Belum Bersekolah	10	8.3	8	6.8	18	7.6
Jumlah	120	100.0	116.0	100.0	236	100.0

Dari jadual di atas menunjukkan taraf pelajaran hingga ke tingkatan 5, tingkatan 3 dan darjah 6 merupakan tingkat pementongan di mana seseorang itu menamatkan persekolahan atau menghadapi peperiksaan besar. Oleh kerana itu jumlah mereka adalah

hampir sama iaitu tingkatan 5 seramai 34 orang, tingkatan 3 seramai 33 orang dan darjah 6 seramai 32 orang. Taraf pelajaran hingga ke tingkatan 5 dan tingkatan 3 ini adalah dicapai oleh anak-anak peneroka sahaja, sedangkan para peneroka kebanyakannya hanya bersekolah di peringkat rendah sahaja. Setinggi-tinggi pelajaran yang mereka capai ialah cuma ke darjah 6.

4.3. Pekerjaan Sampingan

Di samping bekerja tetap sebagai peneroka, mereka juga menjalankan berbagai-bagai jenis pekerjaan sebagai sampingan. Dengan melakukan pekerjaan sampingan ini, bukan sahaja dapat menambahkan lagi pendapatan tetapi juga dapat mengisi masa lapang mereka. Ini adalah kerana di waktu-waktu di mana pekerjaan di ladang tidak begitu sibuk, masa mereka banyak terluang.

Di pihak isteri juga, selain dari menumpukan pekerjaan sebagai suri rumah, ada juga yang menjalankan pekerjaan sampingan. Mereka ini menjalankan pekerjaan sampingan untuk menghabiskan masa lapang di samping mempunyai minat menambahkan pendapatan keluarga.

Jadual 4.12 : Jenis Pekerjaan Sampingan Peneroka

Jenis Pekerjaan	Bilangan	%
Bawa Kereta Sewa	1	3.3
Menternak Lembu ⁽²⁾	2	6.6
Jaga	1	3.3
Kontraktor	1	3.3
Ambil Upah Kait Buah Dalam Rancangan	2	6.6
Berniaga	4	13.3
Broker Motor	1	3.3
Tukang Masak Kenduri	1	3.3
Jumlah	13	43.3

Pihak suami yang membuat kerja sampingan adalah seramai 13 orang atau 43% dari 30 peneroka. Pekerjaan sampingan yang dijalankan adalah berbagai-bagai jenis. Dari jadual di atas, pekerjaan sampingan yang paling banyak dilakukan ialah berniaga iaitu seramai 4 orang.

(2) Lembu adalah pemberian dari pihak FELDA

Jadual 4.13 : Jenis Pekerjaan Sampingan Isteri

Jenis Pekerjaan	Bilangan	%
Menjahit Baju Kurung	1	3.3
Mak Andam	1	3.3
Buat Tempe	1	3.3
Jual Kueh	2	6.6
Jual Kain	2	6.6
Bekerja Di Estet	1	3.3
Jumlah	8	26.6

Di pihak isteri pula yang memberi sumbangan dalam pendapatan iaitu dengan bekerja sampingan ialah seramai 8 orang atau 27%. Berniaga merupakan pekerjaan sampingan yang lebih diminati di mana terdapat 2 orang menjual kueh dan 2 orang menjual kain. Kesemua isteri ini adalah berpendapatan kurang dari \$300 sebulan.

Di waktu kajian dijalankan pendapatan perseorak adalah sebagai berikut:

Dari jadual di atas dapat dilihat dari 10 buah keluarga yang diteliti seramai 9 keluarga atau 90% adalah berpendapatan antara \$301 - \$500 sebulan.

Di pihak suami, pendapatan sebagai peneroka antara \$401 - \$500 sebulan adalah paling ramai iaitu 10 orang. Diikuti pendapatan antara \$501 - \$600, 7 orang dan pendapatan kurang \$300 seramai 8 orang. Ini menunjukkan bahawa seramai 27 orang atau 90% para peneroka ini berpendapatan antara kurang dari \$300 hingga \$500 sebulan.

Jadual 4.14 : Pendapatan Purata Kasar Sebulan Bagi 30 Buah Keluarga

\$ Sebulan	Suami		Isteri		Sumber lain		Keluarga			
	Peneroka	%	Kerja Sampingan	%	%	%	%	%		
300 & Kurang	8	26.6	9	30	8	26.6	14	46.6	3	10
301 - 400	9	30	2	6.6					6	20
401 - 500	10	33.3							2	6.6
501 - 600	1	3.3							9	30
601 - 700	1	3.3	1	3.3					3	10
701 - 800									5	16.6
801 - 900										
901 - 1000	1	3.3							1	3.3
1001 - 1100										
1100 Ke atas									1	3.3
Jumlah	30	100	12	40	8	26.6	14	46.6	30	100

Catitan : Di waktu kajian dijalankan pendapatan peneroka adalah sedang merosot.

Dari jadual di atas dapat dilihat dari 30 buah keluarga yang ditemui seramai 9 keluarga atau 30% adalah berpendapatan antara \$501 - \$600 sebulan.

Di pihak suami, pendapatan sebagai peneroka antara \$401 - \$500 sebulan adalah paling ramai iaitu 10 orang. Diikuti pendapatan antara \$301 - \$400, 9 orang dan pendapatan kurang \$300 seramai 8 orang. Ini menunjukkan bahawa seramai 27 orang atau 90% para peneroka ini berpendapatan antara kurang dari \$300 hingga \$500 sebulan.

Suami yang mempunyai kerja sampingan adalah seramai 13 orang. Akan tetapi cuma 12 orang sahaja yang memberikan jumlah pendapatannya, kerana seorang lagi masih belum lagi mendapat hasil dari ternakan lembunya. Jadi dari 12 orang yang mempunyai pendapatan sampingan ini seramai 9 orang atau 30% adalah berpendapatan kurang \$300 sebulan. Manakala isteri yang menjalankan kerja sampingan adalah seramai 8 orang dan kesemuanya berpendapatan kurang \$300 sebulan.

Pendapatan dari sumber lain juga terdapat pada 14 buah keluarga yang memberikan pendapatan kurang dari \$300 sebulan.

Jadual 4.15 : Sumber-Sumber Pendapatan Lain Bagi 30 Keluarga

Sumber Pendapatan	Bilangan Keluarga	%
Pemberian Anak-Anak	11	36.6
Rumah Sewa Di Kampung	3	10
Jumlah	14	46.6

Terdapat 2 jenis sumber pendapatan lain bagi 30 keluarga. Sumber dari pemberian anak-anak terdapat pada 11 keluarga, Manakala hasil sewa rumah dari kampung sebanyak 3 keluarga. Walaupun sumber-sumber pendapatan ini kurang dari \$300 sebulan namun sedikit sebanyak ianya dapat menolong menambahkan lagi pendapatan para peneroka dan keluarga.

1) Sebagai Penerimaan FELDA	4	13	4	13
2) Banyak Dapat Faedah	11	37	4	13
3) Menghabiskan Masa Lapang	4	13	4	13
4) Nisbat Dalam Kesatuan	7	23	5	17
5) Ibu Kawan	2	7	0	1
6) Lain-lain	1	3	0	0

4.4. Penyertaan Responden Dalam Persatuan

Semua peneroka dan penerokawati adalah menjadi ahli dalam pertubuhan penting yang ditubuhkan di rancangan FELDA ini. Pertubuhan-pertubuhan itu adalah seperti JKRR, GPW dan KOPERASI. Pertubuhan politik iaitu UMNO juga adalah penubuhannya atas arahan FELDA. Pertubuhan-pertubuhan ini adalah merupakan pertubuhan yang resmi. Ini termasuk kumpulan yasin yang merupakan salah satu kegiatan blok di bawah kegiatan JKRR. Manakala kumpulan tidak resmi adalah seperti kegiatan gotong-royong dalam blok, rewang dan projek pengantin. Kumpulan tidak resmi ini ditubuhkan sendiri oleh para peneroka, akan tetapi pihak FELDA turut memberikan galakan di atas penubuhannya.

Walaupun penyertaan mereka dalam pertubuhan-pertubuhan ini adalah digalakkan, akan tetapi sambutan mereka adalah berbeza-beza antara satu sama lain. Ini dapat kita lihat dari jawapan yang mereka berikan mengapa mereka menyertai dan tidak menyertai pertubuhan atau kumpulan-kumpulan tersebut. Jawapan mereka boleh dilihat di dalam jadual-jadual yang diberikan berikut :-

Jadual 4.16 : Sebab-Sebab Peneroka Menyertai Kumpulan Peringkat Rancangan Mengikut Pilihan Keutamaan

Sebab Menyertai	Suami					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Sebagai Peraturan FELDA	4	13	4	13	4	13
2) Banyak Dapat Faedah	11	37	11	37	4	13
3) Menghabiskan Masa Lapang	6	20	10	33	4	13
4) Minat Dalam Kesatuan	7	23	5	17	4	13
5) Ikut Kawan	1	3	0	-	1	3
6) Lain-lain	1	3	0	-	0	-

Dari jawapan yang diberikan, seramai 11 orang atau 37% daripada responden telah memilih banyak dapat faedah sebagai pilihan utama. Pilihan kedua mereka juga pada jawapan yang sama seramai 11 orang juga. Sementara itu bagi pilihan ketiga pula, pemilihan jawapan adalah sama jumlahnya kecuali jawapan ikut kawan seorang dan lain-lain tidak ada.

Jadual 4.17 : Sebab-Sebab Isteri Peneroka Menyertai Kumpulan Peringkat Rancangan

Sebab Menyertai	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Sebagai Persatuan FELDA	3	10	2	7	5	17
2) Banyak Dapat Faedah	3	10	6	20	7	23
3) Menghabiskan Masa Lapang	5	17	16	53	1	3
4) Minat Dalam Kesatuan	14	47	2	7	2	7
5) Ikut Kawan	4	13	3	10	0	-

Bagi isteri-isteri peneroka yang berjumlah 30 orang, di antara 5 sebab-sebab yang telah diberikan, 47% adalah memilih pilihan keempat sebagai pilihan pertama. Pilihan kedua mereka ialah pada jawapan menghabiskan masa lapang, seramai 16 orang atau 53%. Manakala 23% telah menjadikan banyak dapat faedah sebagai pilihan ketiga.

Jadual 4.18 : Sebab Peneroka Tidak menyertai Kumpulan Peringkat Rancangan

Sebab Tidak Menyertai	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Tidak Mahu Dipaksa	2	7	1	3	0	-
2) Tidak Berfaedah	1	3	0	-	0	-
3) Tidak Ada Masa Lapang	1	3	3	10	0	-
4) Tidak Minat	0	-	1	3	0	-
5) Kawan Baik Tidak Sertai	1	3	0	-	0	-
6) Lain-Lain	1	3	0	-	0	-

Cuma terdapat 6 orang sahaja peneroka yang tidak menyertai kumpulan resmi. 2 orang atau 7% memberi jawapan tidak mahu dipaksa menyertai sesuatu sebagai pilihan pertama. Pilihan kedua pula sebanyak 10%, kerana tidak ada masa lapang, sementara pilihan ketiga pula, tidak seorangpun memberikan jawapan.

Jadual 4.19 : Sebab Isteri Peneroka Tidak Menyertai Kumpulan Peringkat Rancangan

Sebab Tidak Menyertai	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Tidak mahu dipaksa	2	7	1	3	1	3
2) Tidak Berfaedah	1	3	0	-	0	-
3) Tidak ada masa lapang	6	20	1	3	0	-
4) Tidak minat	1	3	7	23	0	-
5) Kawan baik tidak sertai	0	-	1	3	0	-
6) Lain-lain	0	-	0	-	0	-

Dari seramai 10 orang isteri yang tidak menyertai kumpulan peringkat rancangan, seramai 6 orang atau 20% telah memberikan jawapan tidak ada masa lapang sebagai pilihan pertama. Pilihan kedua pula sebanyak 23% kerana tidak minat. Manakala pilihan ketiga cuma seorang memberikan jawapan iaitu tidak mahu dipaksa menyertai sesuatu.

Jadual 4.20 : Sebab Peneroka Menyertai Kumpulan Di Peringkat Blok

Sebab Menyertai	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Banyak faedah	5	17	12	40	8	27
2) Ikut Kawan	1	3	0	-	0	-
3) Mustahak bagi masyarakat	15	50	12	40	2	7
4) Ada kaitan dengan ugama	9	30	6	20	10	33
5) Lain-lain	0	-	0	-	0	-

Bagi sebab-sebab menyertai kumpulan peringkat blok, jadual menunjukkan bahawa 50% peneroka memilih mustahak bagi masyarakat sebagai pilihan pertama. Seramai 40% peneroka memilih jawapan banyak faedah dan mustahak bagi masyarakat sebagai pilihan kedua. Pilihan ketiga pula, seramai 33% memilih ada kaitan dengan ugama.

Jadual 4.21 : Sebab Isteri Peneroka Menyertai Kumpulan
Di Peringkat Blok

Sebab Menyertai	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Banyak faedah	4	13	4	13	13	43
2) Ikut kawan	2	7	1	3	2	7
3) Mustahak bagi masyarakat	12	40	13	43	2	7
4) Ada kaitan dengan agama	11	37	12	40	2	7
5) Lain-lain	0	-	0	-	0	-

Bagi isteri peneroka pula, sebanyak 40% telah memilih mustahak bagi masyarakat sebagai pilihan pertama. Manakala bagi pilihan kedua, juga pada jawapan yang sama sebanyak 43%. Sebagai pilihan ketiga pula seramai 43% telah memilih banyak faedah.

Jadi pada keseluruhannya ke dua suami dan isteri telah memilih jawapan pada pilihan pertama dan kedua, sebab mereka menyertai kumpulan di peringkat blok ialah kerana mustahak bagi masyarakat. Jadi mereka menyertai kumpulan blok kerana mementingkan masyarakat.

Jadual 4.22 : Sebab Peneroka Tidak Menyertai Kumpulan
Di Peringkat Blok

Sebab Tidak Menyertai	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Tidak berfaedah	0	-	1	3	0	-
2) Kawan baik tidak serta	0	-	0	-	0	-
3) Tidak mustahak bagi masyarakat	0	-	0	-	0	-
4) Tiada kaitan dengan agama	1	3	0	-	0	-
5) Lain-lain	0	-	0	-	0	-

Cuma terdapat seorang sahaja peneroka yang tidak menyertai kumpulan di peringkat blok. Pilihan pertamanya tidak menyertai kerana menurut pendapatnya tiada kaitan dengan agama. Pilihan keduanya kerana ia menganggap tidak berfaedah. Manakala tiada jawapan diberikan pada pilihan ketiga.

Jadual 4.23 : Sebab Isteri Peneroka Tidak Menyertai Kumpulan PRKT Blok

Sebab Tidak Menyertai	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Tidak berfaedah	0	-	2	7	0	-
2) Kawan baik tidak serta	0	-	0	-	0	-
3) Tidak mustahak bagi masyarakat	0	-	0	-	0	-
4) Tiada kaitan dengan agama	0	-	0	-	0	-
5) Lain-lain	2	7	0	-	0	-

Terdapat hanya 2 orang isteri sahaja yang tidak menyertai kumpulan di peringkat blok ini. Sebagai pilihan pertama kedua-duanya telah memilih jawapan yang kelima, manakala pilihan kedua pula, mereka memilih jawapan pertama iaitu tidak berfaedah. Tiada jawapan untuk pilihan ketiga.

Sebagai kesimpulannya cuma terdapat 3 orang responden sahaja iaitu seorang lelaki dan dua orang perempuan yang tidak menyertai kumpulan peringkat blok. (3)

Jadual 4.24 : Pandangan Penerima Bagi Kriteria Menjadi Pemimpin

Jenis Syarat	Suami					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Amanah	11	37	9	30	7	23
2) Berpengalaman	9	30	10	33	3	10
3) Pelajaran tinggi	8	27	5	17	6	20
4) Pandai bercakap	0	-	4	13	6	20
5) Bijak dalam selok-belok ugama	2	7	1	3	3	10
6) Kaya dan mewah	0	-	0	-	0	-
7) Lain-lain	0	-	1	3	3	10

Dalam pemilihan menjadi pemimpin, di pihak suami seramai 11 orang atau 37% telah memilih kriteria amanah sebagai syarat

(3) Responden lelaki menyertai kumpulan yasin tetapi tidak kumpulan gotong-royong dan bercorak sosial. Responden wanita tidak menyertai apa-apa kumpulan.

utama. Pilihan kedua sebanyak 33% memilih berpengalaman merupakan penting sebagai pemimpin. Manakala bagi pilihan ketiga pula sebanyak 23% telah memilih amanah sebagai syaratnya.

Dari jadual di atas peneroka-peneroka lebih berminat untuk memilih seorang pemimpin itu yang bersifat amanah dan berpengalaman. Walaupun ada juga pilihan lain tetapi ini tidak begitu banyak. Mereka juga nampaknya tidak memilih orang kaya sebagai pemimpin mereka.

Jadual 4.25 : Pandangan Isteri Peneroka Bagi Kriteria Menjadi Pemimpin

Jenis Syarat	Suami					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Amanah	15	50	3	10	5	17
2) Berpengalaman	7	23	12	40	5	17
3) Pelajaran tinggi	3	10	10	33	7	23
4) Pandai Bercakap	5	17	3	10	3	10
5) Bijak dalam selok-belok agama	0	-	1	3	3	10
6) Kaya atau amanah	0	-	1	3	0	-
7) Lain-lain	0	-	0	-	2	7

Bagi isteri peneroka pula sebanyak 50% memberikan syarat utama untuk menjadi pemimpin mestilah seorang yang amanah. Sebagai pilihan kedua sebanyak 40% memilih syarat seseorang itu mestilah berpengalaman. Cuma terdapat seorang yang memilih syarat kaya sebagai pilihan keduanya. Menurut responden tersebut, ia memilih seorang pemimpin yang

kaya kerana ini akan menyenangkan meminjam wang dan meminta pertolongan. Pilihan ketiga pula sebanyak 23% telah memilih syarat pelajaran tinggi.

Jadi isteri-isteri peneroka juga seperti suami mereka memilih kriteria seorang pemimpin sebagai berperibadi yang baik iaitu amanah, berpengalaman dan berpelajaran tinggi.

Jadual 4.26 : Pemilihan Peneroka Untuk Menjadi Ketua Blok

Jenis Pilihan	Suami					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Alim ulamak	2	7	10	33	4	13
2) Berpelajaran	20	67	9	30	0	-
3) Ada harta	0	-	1	3	0	-
4) Keturunan bangsawan	0	-	0	-	0	-
5) Kuat politik	2	7	4	13	8	27
6) Lain-lain	6	20	6	20	1	3

Ketua blok merupakan orang yang penting di sesebuah rancangan FELDA. Jadi pemilihan seorang ketua blok adalah amat penting. Dari jadual di atas, sebanyak 67% telah memilih kriteria berpelajaran sebagai pilihan utama. Pilihan kedua pula, seramai 10 orang atau 33% memilih kriteria alim ulamak. Sementara bagi pilihan ketiga pula sebanyak 27% telah memilih orang yang kuat politik sebagai pilihan.

Cuma seorang yang memilih kriteria ada harta sebagai pilihan menjadi ketua blok dan tidak ada seorangpun yang memilih

orang dari keturunan bangsawan.

Jadual 4.27 : Pemilihan Isteri Peneroka Untuk Menjadi Ketua Blok

Jenis Pilihan	Isteri					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
1) Alim ulamak	0	-	5	17	3	10
2) Berpelajaran	21	70	7	23	1	3
3) Ada harta	0	-	0	-	0	-
4) Keturunan bangsawan	0	-	0	-	0	-
5) Kuat politik	5	17	11	37	1	3
6) Lain-lain	4	13	7	23	1	3

Sebanyak 70% isteri peneroka memilih orang yang berpelajaran sebagai pilihan yang utama. Sebagai pilihan kedua sebanyak 37% telah memilih orang kuat politik dan sebagai pilihan ketiga sebanyak 10% isteri telah memilih alim ulamak layak sebagai ketua blok.

Tidak ada seorang isteri pun yang memilih kriteria ada harta dan dari keturunan bangsawan sebagai ketua blok. Mereka lebih berminat untuk memilih orang yang berpelajaran dan kuat politik.

BAB 5

KUMPULAN-KUMPULAN SOSIAL DAN UGAMA

Kumpulan-kumpulan sosial dan agama yang ditubuhkan di FELDA Pasir Raja ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu di peringkat rancangan dan di peringkat blok. Kumpulan-kumpulan di peringkat rancangan ini dianggotai oleh semua peneroka dan segala kegiatannya adalah dijalankan bersama-sama dalam rancangan ini. Kumpulan-kumpulan ini juga mempunyai struktur pentadbiran yang tersusun rapi dan berdaftar. Antara kumpulan-kumpulan di peringkat rancangan ini ialah Gerakan Persatuan Wanita (GPW), Jawatan kuasa Kemajuan Rancangan (JKKR), Belia, Seksi Agama, Khairat Kematian dan Koperasi Milik Tanah.

Manakala kumpulan-kumpulan di peringkat blok pula, keanggotaannya adalah hanya kepada ahli blok itu sahaja. Segala kegiatan-kegiatan yang dijalankan tertumpu kepada ahli bloknya sahaja dan tiap-tiap blok mempunyai kegiatannya yang diatur oleh ketua blok. Walaupun kumpulan di peringkat blok ini tidak berdaftar tetapi ia juga mempunyai susunan pentadbirannya yang tersendiri iaitu di kalangan ahli blok itu juga. Antara kumpulan-kumpulan di peringkat blok ini ialah kumpulan Gotong-royong dan Rewang serta kumpulan Yasin dan Tahlil.

Jadual di bawah akan menunjukkan dengan lebih jelas kegiatan dan penyertaan responden dalam kumpulan-kumpulan di peringkat rancangan dan blok.

Jadual 5.1 : Kumpulan-kumpulan Sosial Dan Ugama Serta Kegiatannya

Kumpulan	Tahun Penubuhan	Peringkat Rancangan	Blok	Kegiatan-kegiatan
JKKR	1968	✓		1) Projek Buku Hijau 2) Projek Kebersihan kampung 3) Projek Memelihara Lembu Pawah 4) Kelas Bimbingan dan pinjaman wang pelajaran
GPW	1970	✓		1) Kelas memasak menjahit & kerja tangan 2) Ceramah-ceramah 3) Jualan kueh dan hasil kerja tangan
Belia	1977	✓		1) Aktiviti sukan dan kebudayaan 2) Projek tani 3) Ceramah-ceramah ekonomi dan ugama
Gotong-royong	1968	✓	✓	1) Membersihkan kawasan 2) Rewang 3) Menolong jiran dalam kenduri
Khairat Kematian	1982	✓		1) Memberi bantuan kewangan 2) Bantuan tenaga dalam pengurusan jenazah
Seksi Ugama	1971	✓		1) Majlis-majlis ceramah 2) Sambutan perayaan Islam
Yasin	1971	✓		1) Bacaan Yasin dan tahlil 2) Projek-projek pengantin

Jadual 5.2 : Penyertaan 30 Rumah Tangga Dalam Kumpulan Sosial Dan Ugama

Kumpulan	Penyertaan					
	Peringkat		AJK		Ahli Biasa	
	Rancangan	Blok	Suami	Isteri	Suami	Isteri
JKKR	✓		4	1	26	-
GPW	✓		-	10	-	20
UMNO	✓		8	6	22	24
Yasin		✓	2	2	28	28
Gotong-royong	✓	✓	4	9	26	21

Dari jadual di atas kita dapat lihat penyertaan para peneroka dan isteri samada sebagai ahli jawatan kuasa (termasuk sebagai ketua) atau hanya sebagai ahli biasa dalam kumpulan-kumpulan sosial dan ugama. Keanggotaan sebagai ahli dalam JKKR hanya terbuka kepada pihak peneroka sahaja. Peneroka yang menjadi AJK dalam JKKR adalah ketua-ketua blok lelaki. Jadi dalam jadual di atas terdapat 4 orang sahaja sebagai AJK manakala yang lain-lain adalah sebagai ahli sahaja. Di pihak isteri kita dapati seorang menjadi AJK JKKR. Beliau adalah pengerusi GPW yang secara automatik dilantik menjadi AJK JKKR.

Manakala GPW pula terbuka untuk kaum wanita sahaja. Di sini kita dapati 10 orang menjadi AJK, mereka ini semuanya terdiri dari ketua blok perempuan. Manakala yang lain-lain adalah sebagai ahli biasa sahaja.

Untuk kumpulan UMNO pula di pihak peneroka seramai 8 orang menjadi AJK dan 6 orang di pihak perempuan. Kumpulan yasin pula bagi pihak peneroka dan isteri masing-masing cuma 2 orang sahaja yang menjadi AJK. Manakala bagi kumpulan gotong-royong seramai 4 orang di pihak peneroka menjadi AJK dan di pihak perempuan pula seramai 9 orang. Yang lain-lain adalah cuma ahli biasa sahaja.

5.1. Kumpulan-Kumpulan Di Peringkat Rancangan

5.1.a. Pertubuhan Belia

Pertubuhan Belia di FELDA Pasir Raja ini ditubuhkan pada tahun 1977 dan sekarang dianggotai oleh seramai 251 orang. Pertubuhan Belia ini tidak hanya untuk anak peneroka tetapi terbuka juga kepada sesiapa sahaja yang berumur antara 15 hingga 40 tahun, iaitu umur yang diistiharkan dalam golongan belia oleh Majlis Belia Malaysia. Akan tetapi di FELDA ini bilangan belia yang berdaftar cuma seramai 251 orang yang kebanyakannya terdiri dari anak-anak peneroka.

Jadual 5.3 : Jumlah Bilangan Belia Yang Berdaftar

Umur	Bilangan	%
15 - 17	94 orang	37.4
18 - 20	98 orang	39
21 - 27	59 orang	23.5
Jumlah	251 orang	100

Bagi belia-belia yang berdaftar ini, pendidikan yang diterima mereka boleh dilihat dalam jadual 5.4.

Jadual 5.4 : Taraf Pendidikan Belia Yang Berdaftar

Kelulusan	Bilangan	%
Tingkatan 2 ke bawah	17 orang	6.7
SRP	135 orang	53.7
SPM	95 orang	37.7
STP	4 orang	1.5
Jumlah	251 orang	100

Dari jadual ini menunjukkan bahawa seramai 135 orang atau 53.7 peratus dari belia ini mendapat pendidikan sehingga peringkat SRP. Manakala ke peringkat STP cuma terdapat 4 orang sahaja.

Dalam kegiatan di bidang ekonomi dan kebajikan, tujuan dan matlamatnya ialah untuk membentuk dan merencanakan satu cara yang baik untuk menambah sumber kewangan persatuan. Selain dari itu untuk melatih belia dan beliawanis cenderung kepada kerja-kerja di bidang pertanian.

Di FELDA Pasir Raja ini projek tani yang dijalankan adalah seperti penanaman kelapa mawar dan kopi seluas satu ekar, penanaman koko dan kelapa juga satu ekar dan penanaman pisang nipah sebanyak 100 pokok.

Di bidang latihan dan pelajaran ialah untuk membentuk dan menyediakan program yang khas bagi aktiviti persatuan di dalam bidang pelajaran dan latihan. Ianya juga memberi peluang pelajaran

dan latihan kepada belia-belia dengan menyalurkan kepada Kementerian Belia dan Sukan Daerah dan Negeri. Bidang ini juga membentuk satu program yang baik agar tidak terdapat belia-belia yang menganggur dengan mengadakan aktiviti-aktiviti penerangan.

Di FELDA ini juga diadakan kursus kepimpinan belia iaitu memberi ceramah kepimpinan kepada peserta-peserta kursus secara formal pada bulan April, 1983. Ceramah agama Belia yang memberi penerangan mengenai keIslaman kepada peserta-peserta juga turut diadakan di sini. Bengkel ekonomi belia yang mengadakan perbincangan secara kumpulan bagi mendapatkan rumusan dan menambah pengetahuan ke arah menambahkan sumber kewangan juga diadakan.

Di bidang sukan dan kebudayaan, ianya menyelaraskan dan menggerakkan aktiviti-aktiviti persatuan agar pergerakan persatuan bergerak dengan cergas. Kegiatan ini juga menjadi satu cara untuk menarik minat belia dan beliawanis melibatkan diri dalam persatuan. Di samping itu dengan adanya aktiviti-aktiviti sukan akan mendapat kepercayaan dari ibu-bapa dan sentiasa memberikan kerjasama kepada persatuan. Sukan juga sebagai asas untuk merapatkan lagi perasaan kerjasama dan persaudaraan di antara belia dan beliawanis setempat.

Menurut Pengurus FELDA Pasir Raja ini kemajuan kurang dapat dijalankan ke atas persatuan belia ini kerana minat mereka yang selalu berubah dan tidak bersungguh-sungguh. Jadi bimbingan yang diberikan juga tidak dapat sepenuhnya. Kebanyakan belia-belia hanya berminat kepada kegiatan yang berbentuk hiburan dari yang mendatangkan faedah.

Dari segi kepimpinan belia, pernah berlaku di mana JKRR terpaksa mengambil-alih kerana berlakunya ketidakpercayaan ahli kepada jawatan kuasa. Ini adalah kerana penyata kewangan yang tidak lengkap dikemukakan telah menimbulkan rasa tidak puas hati. Oleh kerana kebanyakan anak lelaki peneroka bekerja di ladang atau mendapat kerja di tempat lain, pernah di suatu mesyuarat kesemua ahli jawatan kuasa yang dipilih terdiri dari Beliawanis. Akan tetapi sekarang telah samarata pembahagiannya antara Belia dan Beliawanis.

5.1.b. Jawatan Kuasa Kemaajuan Rancangan (JKKR)

Walaupun JKRR diwujudkan dengan tujuan mengadakan satu sistem perwakilan peneroka-peneroka, namun terdapat kegiatan-kegiatan-nya bercorak sosial dan ugama. Ini dapat dilihat dari tugas-tugas oleh biro-biro yang terdapat dalam JKRR. Semua peneroka adalah menjadi ahli JKRR jadi segala kegiatan dan peruntukan yang disediakan oleh JKRR dapat dirasai oleh semua.

Berbagai projek yang dijalankan oleh JKRR antaranya projek Buku Hijau iaitu menggalakkan peneroka-peneroka menanam sayur-sayuran di kawasan perumahan dan kawasan tanah kosong. Di samping itu galakkan juga diberikan supaya rumah-rumah peneroka mempunyai pokok pagar. Kesan yang dapat dilihat ialah :

Di peringkat 1 sebanyak 19 buah rumah

Di peringkat 2 sebanyak 18 buah rumah

Di peringkat 3 sebanyak 15 buah rumah

Jadi pada keseluruhannya di rancangan ini terdapat **sebanyak 52** buah rumah mempunyai pokok pagar dari galakan yang **diberikan oleh** JKRR ini.

Kebersihan kawasan kampung atau rumah juga amat diambil berat oleh JKRR dan dari bancia-bancia yang dijalankan oleh SDA (W) terdapat 3 katagori rumah diberikan iaitu bersih, sederhana dan kotor. Sehingga bulan Mac, 1983, kawasan rumah yang dikatagori-kan adalah seperti berikut :

Rumah yang bersih berjumlah	339 buah
Rumah yang sederhana berjumlah	70 buah
Rumah yang kotor berjumlah	6 buah
Jumlah semua rumah	415 buah

Rumah-rumah peneroka juga digalakkan supaya mempunyai lubang sampah, supaya kesihatan lebih terjamin dan persekitaran yang lebih bersih. Dari bancia yang dilihat, rumah-rumah yang mempunyai lubang sampah adalah seperti berikut :

Di peringkat 1 sebanyak	97 rumah
Di peringkat 2 sebanyak	101 rumah
Di peringkat 3 sebanyak	124 rumah

Pada keseluruhannya rumah yang mempunyai lubang sampah berjumlah 322.

Selain dari projek-projek berbentuk kebersihan, JKRR juga ada menjalankan projek memelihara lembu pawah kerajaan. Lembu ini diberikan kepada peneroka-peneroka yang memohon untuk memeliharanya iaitu secara perseorangan. Lembu itu akhirnya akan menjadi hak peneroka sendiri. Biasanya lembu-lembu ini dibela dengan cara

lepaskan saja di dalam ladang kelapa sawit.

JKKR juga menjalankan projek mencantikkan **Taman Selesa**.⁽¹⁾

Kerja-kerja mencantikkan Taman Selesa ini ialah supaya ianya dapat memberi keselesaan kepada pengunjung-pengunjungnya. Projek yang dijalankan oleh JKKR ini biasanya dilakukan secara gotong-royong oleh peneroka-peneroka sendiri.

i) Bidang Pelajaran

Kesedaran tentang pentingnya pelajaran amatlah ketara di rancangan-rancangan FELDA. Petunjuk-petunjuk ke hala ini termasuklah penubuhan biro pelajaran JKKR, Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), Tabung Pelajaran, Kelas Bimbingan, Sistem Galakan, Bantuan untuk pelajaran tinggi dan sebagainya di peringkat rancangan dan wilayah.

Kelas-kelas bimbingan yang diadakan di rancangan ini adalah untuk pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan per-
nilaian darjah lima, peperiksaan SRP dan peperiksaan SPM. Kelas-kelas ini diadakan pada sebelah malam oleh guru-guru yang tinggal berdekatan dengan FELDA ini. Kelas-kelas ini dimulai dari bulan April hinggalah hampir dengan waktu peperiksaan menjelang tiba.

Biro pelajaran dalam JKKR ini juga turut memberi pinjaman persekolahan bagi anak-anak peneroka yang benar-benar memerlukannya. Pinjaman wang untuk peperiksaan SRP, SPM dan STPM juga turut diberi

(1) Taman Selesa ialah sebuah kawasan yang disediakan dengan kemudahan-kemudahan untuk berekreasi.

kan kepada anak-anak peneroka. Bagi mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti, mereka yang berminat akan mendapat pinjaman dari FELDA sebanyak \$2,500 setahun. Akan tetapi mereka ini apabila lulus dari Universiti tidak terikat dengan pihak FELDA.

Di waktu ini FELDA mempunyai tiga asrama iaitu di Kuala Lumpur, Johor Bharu dan Kuantan. Anak-anak peneroka yang dipilih berdasarkan kemajuan pelajarannya dan keputusan peperiksaan penilaian darjah 5 dan SRP akan dihantar ke asrama-asrama tersebut. Mereka yang dipilih itu, bukannya ke sekolah berasrama penuh tetapi ke sekolah yang agak terbaik dan terkemuka dan tinggal di Asrama FELDA.

5.1.c. Seksi Ugama

Seksi ugama ini ditubuhkan secara resmi oleh pihak FELDA memandangkan betapa pentingnya kegiatan ugama di kalangan para peneroka rancangan. Ianya dianggotai oleh semua peneroka yang beragama Islam iaitu seramai 412 orang.

Antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh seksii ugama ini ialah kelas ugama yang diadakan seminggu sekali. Penceramahnyanya dijemput dari tempat lain ataupun dari FELDA ini sendiri. Kursus sivik ugama juga turut diadakan iaitu memberi ceramah mengenai keugamaan kepada masyarakat setempat. Ceramah ini diadakan mengikut tarikh-tarikh yang ditentukan oleh pihak FELDA.

Telah menjadi satu amalan kebiasaan bagi masyarakat Islam di rancangan-rancangan FELDA, apabila datang bulan Rabi'ulawal pada tiap-tiap tahun, diadakan upacara sambutan Maulud Nabi. Sambutan

Maulud Nabi ini ialah untuk memperingati kisah keputeraan junjungan Besar Nabi Muhammed S.A.W. Biasanya berbagai acara dan program berbentuk ugama dijalankan.

Sambutan-sambutan lain yang bercorak ugama yang dijalankan oleh seksi ugama ini antara lainnya ialah Israk Mikraj iaitu menceritakan Nabi-Nabi di Israk dan Mikraj. Sambutan Awal Muharam juga diadakan sempena awal tahun Hijrah Islam. Hari Assura juga diadakan untuk mengingati hijrahnya Nabi Muhammad ke Madinah pada 10 Muharram.

Naspu Syaaban pula disambut untuk memperingati kedatangan puasa pada bulan Ramadhan. Di samping itu musabaqah membaca Al-Quran dan Berzanzi juga turut diadakan yang dikelolakan oleh seksi ugama ini.

5.1.d. Khairat Kematian

Badan Khairat Kematian FELDA Pasir Raja ini didaftarkan pada 9/2/1982 dan mempunyai ahli seramai 415 orang. Yuran yang dikenakan pada setiap ahli ialah sebanyak \$2 sebulan.

Antara kegiatan atau aktiviti yang dijalankan ialah memberi bantuan kematian kepada ahli-ahlinya. Bantuan yang diberikan ini biasanya berbentuk wang. Jikalau peneroka yang meninggal, sebanyak \$250 diberikan. Jika isteri sebanyak \$200 dan anak pula mendapat \$150. Orang-orang luar yang meninggal di FELDA juga turut diberi sumbangan wang bagi menguruskan jenazahnya.

Bantuan dalam menyediakan upacara perkebumian juga dijalankan oleh Badan Khairat Kematian ini. Ini adalah untuk

meringankan beban keluarga si mati dalam pengurusan **jenezah.**

5.1.e. Koperasi Milik Tanah

Koperasi Milik Tanah FELDA Pasir Raja Berhad ini didaftarkan pada 7 November, 1981 dengan bil koop LP 5437/1. Bilangan Daftar Koop kawasan No. 92. Ahli-ahli koperasi adalah terhad kepada peneroka-peneroka rancangan FELDA PasirRaja mengikut syarat oleh FELDA iaitu :

- 1) Sebagai telah menjelaskan dengan sepenuhnya semua bayaran kembali yang dikehendaki dijelaskan kepada FELDA dan kerajaan negeri yang berkenaan bersabit dengan kawasan tersebut.
- 2) Telah didaftarkan dalam buku Daftar Holding bagi kawasan ladang rancangan tersebut mengikut kehendak akta.
- 3) Telah menandatangani surat perjanjian dengan FELDA di bawah nama FELDA telah diberi kuasa mentadbirkan bahagian tanah kawasan ladang yang didaftarkan di atas namanya seperti berikut.

i) Tujuan penubuhan Koperasi Milik Tanah

Tujuan penubuhan koperasi milik tanah ini ialah pertama, untuk memiliki tanah kawasan ladang yang diuntukkan oleh FELDA kepada ahli-ahli dalam kawasan rancangan FELDA Pasir Raja sebagai mana yang dikehendaki oleh akta.

Keduanya ialah untuk mentadbir dan mengurus pemilikan tanah kawasan ladang rancangan FELDA Pasir Raja. Bayaran sebagai

ahli ialah sebanyak dua ringgit sebagai bayaran masuk dan sepuluh ringgit lagi sebagai yuran tahunan.

Peneroka-peneroka FELDA Pasir Raja peringkat 1 telah diberikan surat hak milik pada 10.4.1982. Peneroka-peneroka di peringkat 1 ini ialah seramai 128 orang dan pembayaran cukai tanah kawasan ladang dan lot tapak rumah adalah dikenakan.

Jumlah cukai yang dikenakan di atas lot tapak rumah peneroka di peringkat 1 adalah berbeza-beza mengikut keluasan. Paling rendah cukai yang dikenakan ialah sebanyak \$27.50 setahun untuk luas 0.242 ekar. Manakala cukai yang paling tinggi ialah \$62.50 untuk luas 0.560 ekar.

Oleh kerana di peringkat 1 ini terdapat seorang peneroka bukan Melayu iaitu berbangsa India, cukai yang dikenakan ke atasnya adalah agak tinggi. Walaupun keluasan lot tapak rumahnya hanya 0.268 ekar tetapi ia dikenakan cukai sebanyak \$60.00 setahun kerana tanah itu adalah bukan reserve Melayu.

Peneroka-peneroka secara individu iaitu seramai 128 orang membayar cukai tanah 1983 bagi lot tapak rumah mereka terus kepada pemungut hasil tanah Kota Tinggi. Mengenai kadar bayar cukai 1983 bagi lot tapak rumah berkenaan, peneroka-peneroka dikehendaki menguruskan dengan pemungut hasil tanah Kota Tinggi dengan membawa bersama surat hak milik semasa membuat bayaran. Cukai tapak rumah 128 peneroka di peringkat 1 di mana tarikh menjadi hak milik ialah pada 7.4.1982 ialah sebanyak \$4,687.50 setahun.

Cukai tanah 1983 bagi kawasan pertanian peringkat I akan dibayar dahulu oleh ibu pejabat (Bahagian tanah). Kutipan balik akan dibuat kemudian daripada peneroka-peneroka berkenaan. Cukai bagi lot tapak rumah dibayar oleh peserta-peserta sendiri secara individu memandangkan hak milik lot berkenaan dikurnia secara individu.

ii) Kegiatan Koperasi

Kegiatan yang dijalankan oleh koperasi ialah, koperasi dikehendaki membuat permohonan kepada pemungut hasil tanah yang berkenaan menerusi FELDA untuk mendapatkan milik tanah kawasan rancangan.

Koperasi juga dikehendaki membuat bayaran kepada pemungut hasil tanah yang berkenaan mengenai permohonan tersebut.

Koperasi juga harus membuat bayaran kepada mana-mana pihak berkuasa sebagaimana yang dikehendaki dari masa ke semasa berkaitan dengan tanah yang dimiliki oleh koperasi.

Manakala peneroka-peneroka di peringkat II enggan menjadi ahli koperasi kerana mereka berkehendakkan hak milik secara individu. Peneroka-peneroka enggan menerima geran secara koperasi. Mereka berkehendakkan secara individu bagi kedua-dua kawasan (tapak rumah dan kawasan pertanian). Ini ialah keputusan perbincangan peneroka-peneroka peringkat II yang telah diadakan pada 22/10/82. Keputusannya telahpun diminit dalam mesyuarat JKRR pada 27/10/82.

Penerangan mengenai hak milik secara berkoperasi telah pun disampaikan kepada peneroka-peneroka peringkat II oleh pihak

rancangan melalui kumpulan yasin atau mesyuarat blok. Tetapi sebahagian besar peneroka-peneroka yang terlibat enggan menerimanya. Ekoran dari itu satu majlis penerangan hak milik oleh pengawal wilayah kepada peneroka-peneroka peringkat II telah diatur pada 12/1/83. Akan tetapi tidak dapat dijalankan kerana lebih kurang 30 orang peneroka sahaja yang hadir dari 137 orang semuanya. Peneroka yang hadir itupun enggan menerima hak milik secara koperasi.

Majlis penerangan hak milik peneroka-peneroka peringkat II yang diatur oleh pihak rancangan pada 6/3/83 juga tidak dapat dijalankan kerana kehadiran hanya 15 orang sahaja dari 137 orang. Peneroka-peneroka masih gagal lagi untuk datang ke majlis tersebut. Mereka masih mengharapkan tuntutan hak secara individu yang diperjuangkan oleh persatuan peneroka negeri Johor. Perkara berkehendakan hak milik secara individu ini sedang menjadi satu perkara hangat yang sedang diperjuangkan oleh peneroka-peneroka peringkat II.

Dari konflik yang berlaku oleh peneroka-peneroka peringkat II, mereka masih belum menjadi ahli koperasi. Ini adalah kerana mereka tetap menuntut hak secara individu dan bukan secara berkoperasi. Jadi walaupun diadakan beberapa majlis untuk memberi penerangan dengan jelas kepada mereka, oleh kerana tidak mendapat sambutan dari mereka sendiri, majlis penerangan ini gagal dijalankan. Akhirnya konflik yang berlaku ini tergantung tidak dapat diselesaikan lagi.

5.2. Kumpulan-kumpulan Di Peringkat Blok

5.2.a. Kumpulan Gotong-Royong Dan Rewang

Penubuhan kumpulan ini adalah merupakan satu kegiatan dalam

JKKR. Ahlinya terdiri dari semua peneroka dan isteri masing-masing. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan adalah ditetapkan mengikut blok masing-masing di mana terdapat 23 blok peneroka dan 17 blok untuk penerokawati.

Kerja-kerja gotong-royong yang diadakan sebulan sekali merupakan kerja-kerja membersihkan kawasan yang ditetapkan oleh pihak pejabat FELDA. Di pihak isteri biasanya melakukan kerja-kerja gotong royong membersihkan bangunan TADIKA, Sekolah Agama, Balairaya dan Bangunan GPW. Begitu juga di pihak suami ditugaskan selain dari membersihkan bangunan-bangunan tertentu, kawasan-kawasan dalam perkampungan juga turut dibersihkan bersama-sama.

Di waktu diadakan kenduri kendara juga diadakan gotong-royong di pihak lelaki seperti mendirikan bangsal, menyusun kerusi, mencuci pinggan dan sebagainya. Manakala pihak perempuan pula mengadakan rewang iaitu dua atau tiga hari sebelum kenduri diadakan, masing-masing akan memberi tenaga menolong membuat pekerjaan yang dapat meringankan beban tuan rumah. Kerja-kerja itu seperti mengupas bawang, memotong daging atau menolong menghias bilik pengantin dan sebagainya.

5.2.b. Kumpulan Yasin Dan Tahlil

Kumpulan yasin dan tahlil juga merupakan satu kegiatan blok di bawah pentadbiran JKKR. Ianya dimulakan sejak tahun 1971 iaitu tahun di mana FELDA mengadakan jawatan Pegawai Agama. Kumpulan ini dianggotai oleh semua peneroka yang beragama Islam dan isteri masing-masing. Kegiatan yang dijalankan merupakan kegiatan

mingguan iaitu bacaan yasin dan tahlil berkumpulan mengikut blok masing-masing. Selain dari bacaan yasin dan tahlil, terdapat blok-blok tertentu yang memanggil ustaz atau ustazah jemputan untuk memberi ceramah atau menyelesaikan kemuskilan-kemuskilan tentang agama.

Kegiatan ini biasanya dijalankan di rumah ahli-ahlinya secara bergilir-gilir. Kumpulan yasin bagi orang perempuan diadakan pada waktu petang dan harinya berbeza antara peringkat I, II dan III. Ini adalah untuk memudahkan SDA yang kadang-kadang datang tiap-tiap bulan. Akan tetapi mulai bulan Januari 1979 telah dinantikan menjadi lima puluh sah. Terdapat 25 permerakawati di FELDA ini di mana tiap-tiap kelas akan mendirinya di bawah menjadi ahli jawatan kuasa dalam CPV. turut serta dalam kegiatan ini.

Dari seramai 17 orang ketua-ketua wanita inilah akan dilantik seorang pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan penolongnya. Manakala di kelas bagi bina pelaburan, suksebi dan esial serta ahli jawatan-kuasa lain. Peranan seorang pengerusi CPV adalah penting terutama dalam mengendalikan majlis yang diadakan pada tiap-tiap bulan. Beliau bukan sahaja bertindak menyelesaikan apa-apa masalah yang timbul dengan bantuan SDA (W) tetapi juga akan turut serta menyiasat perkara-perkara yang melibatkan wanita, seperti beliany perubatan, tuntutan nafkah dan sebagainya.

Selain dari peranan seorang pengerusi CPV itu penting dalam perlabuhan CPV, pengaruhnya juga tidak kurang pentingnya di dalam sesebuah rancangan FELDA itu. Ini ialah kerana ia merupakan salah seorang dari ahli jawatan kuasa JKR, dan mempunyai bay untuk ber-kerja dalam pentadbiran JKR dan FELDA sendiri. Pihak kerani itu di

BAB 6

PERANAN WANITA MELALUI GPW DALAM RANCANGAN

TANAH FELDA PASIR RAJA

Gerakan Persatuan Wanita (GPW) dalam rancangan tanah FELDA Pasir Raja ini telah ditubuhkan pada tahun 1970 di mana bilangan ahlinya sekarang ialah seramai 415 orang. Ahli-ahlinya adalah terdiri dari penerokawati iaitu isteri kepada para peneroka. Yuran bulanan yang dikenakan ialah sebanyak tiga puluh sen seorang bagi tiap-tiap bulan. Akan tetapi mulai bulan Januari 1983, yuran telah dinaikkan menjadi lima puluh sen. Terdapat 17 blok penerokawati di FELDA ini di mana tiap-tiap ketua blok dengan sendirinya dilantik menjadi ahli jawatan kuasa dalam GPW.

Dari seramai 17 orang ketua blok wanita inilah akan dilantik seorang pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan penolongnya, bendahari, ketua bagi biro pelajaran, ekonomi dan sosial serta ahli jawatan-kuasa lain. Peranan seorang pengerusi GPW adalah penting terutama dalam mengendalikan mesyuarat yang diadakan pada tiap-tiap bulan. Beliau bukan saja bertindak menyelesaikan apa-apa masalah yang timbul dengan bantuan SDA (W) tetapi juga akan turut sama menyiasat perkara-perkara yang melibatkan wanita, seperti berlaku perceraian, tuntutan nafkah dan sebagainya.

Selain dari peranan seorang pengerusi GPW itu penting dalam pertubuhan GPW, pengaruhnya juga tidak kurang pentingnya di dalam sesebuah rancangan FELDA itu. Ini ialah kerana ia merupakan salah seorang dari ahli jawatan kuasa JKKR, dan mempunyai hak untuk bersuara dalam pentadbiran JKKR dan FELDA sendiri. Oleh kerana itu di

dalam setiap mesyuarat JKRR, pengerusi GPW ini adalah penting sebagai mewakili kaum wanita di rancangan itu.

Ahli-ahli jawatan kuasa yang lain juga tidak kurang pentingnya peranan mereka. Sebagai ketua blok di blok masing-masing, mereka berperanan mengambil berat tentang anggota blok masing-masing, di samping menyebarkan berita atau arahan-arahan yang diterima di dalam mesyuarat GPW. Jadi pengaruh mereka ini agak penting di dalam blok mereka dan juga dalam pertubuhan GPW sendiri kerana segala kegiatan dalam blok akan dibawa pula ke dalam mesyuarat GPW untuk dibincangkan.

Jadual di bawah menunjukkan kegiatan-kegiatan GPW di FELDA ini. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan ini adalah merupakan gabungan dengan badan-badan lain. Kegiatan di bawah GPW adalah seperti kumpulan yasin dan tahlil, kegiatan masakan dan kraftangan.

Manakala kegiatan di bawah KEMAS adalah kelas jahit menjahit. Sementara kegiatan di bawah seksi ugama iaitu untuk kaum wanita ialah kelas-kelas dakwah dan ceramah ugama yang disampaikan oleh guru ugama undangan.

Jadual 6.1 : Kegiatan GPW dan Badan Gabungannya

	GPW	KEMAS	Seksi Ugama
Jenis Kegiatan	Masakan Kraftangan Yasin dan Tahlil	Jahitan	Ceramah ugama Kelas Dakwah

Tempat diadakan kegiatan ialah di rumah ahli atau di bangunan GPW dan di sekolah agama. Manakala penceramah atau guru yang mengajar ialah terdiri dari guru agama, SDA (W), dan guru KEMAS.

6.1. Aktiviti Bulanan

Aktiviti bulanan yang dijalankan oleh GPW adalah seperti mengadakan mesyuarat bulanan sebulan sekali. Mesyuarat itu biasanya dijalankan di bangunan GPW dan semua ahli jawatan kuasa adalah diwajibkan hadir. Jika tidak dapat hadir dalam mesyuarat maka seorang wakil atau penolongnya boleh menggantikannya. Turut hadir ialah Naib Pengerusi JKRR, SDA (W) dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO.

Di dalam mesyuarat ini segala laporan dan masalah serta rancangan-rancangan untuk masa datang akan dibincangkan bersama-sama. Ketua bagi biro pelajaran, sosial dan ekonomi akan membentangkan laporan mengenai perkembangan biro masing-masing. Manakala ahli jawatan kuasa yang lain, yang juga merupakan ketua blok masing-masing akan mencatat perkara yang penting untuk disampaikan kepada ahli bloknya. Masalah yang timbul di blok masing-masing juga akan dikemukakan untuk diselesaikan. Selalunya SDA (W) akan turut masuk campur dan kemudiannya akan melawat ke blok yang mempunyai masalah untuk memberi nasihat.

Aktiviti bulanan yang lain ialah mengadakan gotong-royong sebulan sekali. Ianya dijalankan oleh ahli jawatan kuasa dan ahli-ahli GPW yang lain. Biasanya gotong-royong ini membersihkan bangunan GPW dan bangunan TADIKA.

Di FELDA ini pada tiap-tiap bulan akan diadakan pasar lambak iaitu selepas hari gaji. Jadi ahli-ahli GPW biasanya akan membuat kueh-kueh untuk jualan di malam pasar lambak. Modal adalah dikeluarkan oleh GPW dan ahli-ahli secara sukarela akan bergilir-gilir membuat kueh dan menunggu jualan di pasar lambak itu. Kadang-kadang upah diberi juga kepada ahli yang membuat kueh jualan tetapi ianya bergantung kepada keuntungan dari hasil jualan.

Selain dari jualan kueh, lidi penyapu dan lekar lidi juga adalah dijual di pasar lambak ini. Lidi penyapu dan lekar lidi ini adalah hasil dari kerja tangan ahli GPW sendiri. Biasanya ia juga dijual di hari keramaian atau pesteria yang juga diadakan di tempat-tempat lain di sekitar negeri Johor.

Kelas dakwah atau ceramah agama juga diadakan sebulan sekali, biasanya diadakan di sekolah agama. Penceramah yang dijemput ialah ustaz atau ustazah dari luar rancangan. (1) Ceramah yang diadakan sebelah petang akan memberi peluang lebih ramai penerokawati dapat menghadiri diri untuk mendengar ceramah.

6.2. Aktiviti Mingguan

Aktiviti mingguan ini selalunya diadakan pada hari Selasa

(1) Selain dari ustaz dan ustazah, penceramah juga terdiri dari Pegawai Agama FELDA. Di kawasan Johor Timur ini terdapat 5 orang pegawai agama untuk 13 kawasan rancangan FELDA.

iaitu kelas urusan rumah tangga. Kelas ini akan mengajar memasak, kerja tangan dan cara-cara menghidang makanan. Orang yang mengajar di kelas ini terdiri dari SDA (W) sendiri atau ahli-ahli GPW yang mempunyai pengetahuan untuk disebarkan kepada ahli lain. Ahli-ahli GPW yang dihantar berkursus ke mana-mana tempat juga, apabila kembalinya ia ke rancangan akan diminta menunjuk-ajarkan apa yang telah dipelajarinya semasa kursus itu.

Sementara itu kelas jahitan pula diadakan 3 hari seminggu iaitu hari Sabtu, Ahad dan Isnin. Ianya diajar oleh seorang guru KEMAS iaitu anak peneroka rancangan ini. Gajinya adalah dibayar oleh pihak KEMAS dan kelas ini adalah untuk beliawanis dan kaum ibu. Kelas jahitan yang diadakan ini mengajar cara-cara memotong baju, seluar dan jenis-jenis pakaian lain. Yuran yang dikenakan sebulan ialah satu ringgit yang digunakan untuk membeli perkakas jahitan.

6.3. Aktiviti Blok

Tiap-tiap blok mempunyai ketuanya yang menjadi ahli jawatan kuasa GPW. Tiap-tiap blok ini pula mempunyai aktiviti-aktivitinya tersendiri yang turut diambil perhatian oleh GPW. Kadang-kadang aktiviti ini disertai oleh SDA (W) untuk memperhatikan aktiviti ini supaya ianya berjalan dengan lebih teratur.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah bacaan yasin dan tahlil yang diadakan pada tiap-tiap minggu. Bacaan yasin dan tahlil ini diadakan di rumah ahli blok secara bergilir-gilir di waktu petang pada hari-hari yang telah ditetapkan.

Biasanya sebelum bacaan yasin dimulakan, ketua blok akan memberi penerangan terlebih dahulu mengenai apa yang telah dibincangkan dalam mesyuarat GPW. Masalah dari ahli blok juga akan turut didengari dan akan dibawa pula ke dalam mesyuarat jika ia-nya tidak dapat diselesaikan oleh mereka. Setelah selesai bacaan yasin dan tahlil, tuan rumah akan memberi satu jamuan kepada ahli blok yang lain. Di masa ini perhubungan yang lebih mesra dapat dijalin antara sesama ahli blok.

Tiap-tiap blok juga mempunyai projek pengantinnya sendiri. Projek ini dapat dijalankan dengan mengadakan kutipan yuran bulanan dari ahli-ahlinya. Dari kutipan inilah maka berbagai-bagai keperluan untuk projek pengantin ini dibeli. Tiap-tiap blok mempunyai peralatannya sendiri, ada blok yang mempunyai pelamin, pakaian pengantin, pinggan-mangkuk dan lain-lain. Mana-mana blok yang tidak lengkap peralatannya akan menyewa dari blok lain. Dari hasil sewaan ini juga memberi sumber kewangan kepada blok berkenaan.

Selain dari mempunyai peralatan yang boleh dikongsi sesama ahli blok, tenaga kerja juga boleh didapati dari ahli blok. Bagi kaum wanita, biasanya sebelum hari kenduri diadakan, rewang akan dijalankan di mana kaum wanita dari blok itu akan beramai-ramai memberi sumbangan tenaga kepada pihak tuan rumah. Sumbangan tenaga itu berupa menolong dalam kerja-kerja memasak atau menghias pelamin dan bilik tidur.

Terdapat juga sumbangan dari ahli blok berupa barangan, misalnya terdapat blok di mana ahli-ahlinya akan menyumbangkan 10 biji telur tiap seorang dan duit \$1.00. Pertolongan ini adalah

untuk meringankan beban tuan rumah yang mengadakan **kenduri kahwin**.

Anak-anak gadis juga mempunyai sumbangan dalam **blok itu** di mana tiap-tiap buah rumah yang mempunyai gadis yang **belum berkahwin**, akan menghantar wakil sebagai penangguh. Mana-mana rumah yang mempunyai anak gadis tetapi tidak menghantar wakilnya, apabila ia mengadakan kenduri, ahli-ahli blok yang lain akan memulaukan majlisnya itu tanpa menghantar penangguh. Kerana itu kerjasama antara sesama ahli blok adalah amat perlu untuk menghindarkan pemuluan antara ahli di dalam satu blok.

6.4. Aktiviti-Aktiviti Lain

GPW ada juga membuat projek lain iaitu mengadakan projek **Buku Hijau** iaitu tanaman sayuran di kawasan seluas suku ekar.

Selain dari itu ahli-ahli juga digalakkan menanam sayuran. Di peringkat 1 terdapat 14 buah rumah yang mempunyai batas sayur, peringkat 2 terdapat 8 buah dan peringkat 3 mempunyai 20 buah rumah.

Kontrek memasak juga ada dijalankan dan ini adalah bergabung dengan pertubuhan UMNO. Biasanya jika terdapat upacara resmi dan keramaian, ahli-ahli GPW ini akan dipelawa untuk mengambill kontrek memasak. Kontrek memasak ini adalah untuk menyediakan makanan dan menghidangnya kepada peserta-peserta atau tetamu di dalam upacara-upacara tertentu itu. Kegiatan seumpama ini bukan saja melatih para ahli GPW dalam kerja masak-memasak tetapi juga dapat menambahkan lagi wang untuk persatuan.

Walaupun Biro pelajaran dalam JKRR telah mengadakan kelas-kelas bimbingan untuk para pelajar yang akan mengambil peperiksaan iaitu terdiri dari murid darjah 5, tingkatan 3 dan tingkatan 5, namun GPW juga tidak ketinggalan memberikan sumbangannya. Sebagai kaum ibu yang lebih rapat dengan anak-anak, ahli-ahli GPW dinasihatkan supaya memberi galakan kepada anak-anak mereka untuk menghadiri kelas tersebut. Ibu-ibu yang mempunyai anak yang belajar di Universiti dan sedang bercuti juga, telah sukarela mengusahakan supaya penuntut-penuntut Universiti dapat memberi khidmat mereka.

Ahli jawatan kuasa GPW yang termasuk dalam biro pelajaran dan masyarakat juga digabungkan untuk membuat peralatan TADIKA. Peralatan untuk TADIKA ini adalah amat perlu untuk kegunaan anak-anak yang belajar di TADIKA, dengan ini perbelanjaan dapat dikurangkan dengan kerjasama ahli-ahli GPW ini.

6.5. Penglibatan Penerokawati dalam GPW

Di rancangan FELDA ini semua penerokawati iaitu isteri para peneroka secara otomatik adalah menjadi ahli GPW. Namun demikian penglibatan mereka adalah berbeza-beza antara satu sama lain. Penglibatan mereka ini dapat dilihat semasa kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh GPW itu dijalankan. Penglibatan mereka ini boleh dibahagikan kepada tiga katagori iaitu aktif, sederhana dan tidak aktif sama sekali. Dari 30 responden wanita yang telah dipilih kita akan lihat kadar keaktifan mereka.

Jadual 6.2 : Kadar Penglibatan 30 Responden Wanita Dalam GPW

Kadar Keaktifan	Bilangan	%
Aktif	11	37
Sederhana	15	50
Tidak Aktif	4	13
Jumlah	30	100

Dari jadual 6.2 di atas boleh dilihat kadar keaktifan 30 orang responden wanita dalam GPW. Seramai 11 orang atau 37% adalah mereka yang aktif. Mereka yang dikatakan aktif ini ialah yang memegang jawatan-jawatan penting samada dalam jawatan kuasa GPW ataupun dalam blok. Kehadiran mereka tiap-tiap minggu juga diambil kira sebagai menunjukkan keaktifan mereka dalam melibatkan diri dalam GPW.

Penglibatan yang sederhana pula didapati seramai 15 orang atau 50%. Mereka ini terdiri daripada orang yang tidak memegang apa-apa jawatan tetapi selalu melibatkan diri dalam persatuan. Walaupun kehadiran mereka dalam kegiatan GPW tidak begitu kerap, namun mereka ini turut menyumbangkan tenaga dan menghadiri kelas-kelas GPW yang diadakan.

Manakala orang yang tidak aktif langsung dalam GPW iaitu yang tidak pernah menyertai kelas-kelas GPW adalah seramai 4 orang atau 13%. Seorang darinya tidak melibatkan langsung dalam semua kegiatan GPW. Manakala 3 orang lagi walaupun tidak pernah menghadiri kelas-kelas yang dianjurkan oleh GPW, tetapi menyertai kumpulan yasin dan rawang.

Dari pemerhatian, wanita-wanita yang bergiat dalam kelas GPW adalah ahli-ahli jawatan kuasanya. Misalnya dalam kelas memasak, cuma ketua-ketua blok iaitu ahli jawatan kuasa GPW yang hadir. Manakala ahli-ahli biasa tidak menunjukkan minat untuk hadir. Ahli jawatan kuasa GPW sendiripun tidak semuanya hadir atau menghantar wakil untuk mewakilinya.

Kehadiran sedemikian mempunyai beberapa sebab tertentu. Antaranya ialah di waktu itu adalah musim kemerosotan buah kelapa sawit dan masing-masing tidak mempunyai pendapatan yang cukup. Kegiatan seperti memasak memerlukan belanja untuk bahan-bahan yang diperlukan. Kerana kekurangan wang mereka tidak mahu melibatkan dalam kegiatan tersebut. Masalah kemarau iaitu putusnya bekalan air juga menjejaskan kehadiran mereka, kerana masing-masing asyik menunggu ketibaan bekalan air yang dibawa oleh lori JKR ataupun mereka sendiri terpaksa mencari air di tempat-tempat lain.

Walaupun bagaimanapun dalam kegiatan yasin dan tahlil pula, dilihat kehadiran ahli-ahli blok adalah memuaskan. Ini mungkin kerana mereka tidak mengeluarkan apa-apa perbelanjaan, tambahan pula kegiatan itu dijalankan di rumah anggota blok mereka sendiri. Satu lagi kemungkinan ialah kerana kegiatan ini bercorak keagamaan menyebabkan mereka seboleh-boleh menghadirinya.

Jika dilihat pula samada umur mempengaruhi kehadiran dalam kegiatan GPW, dari pemerhatian yang dibuat, kelas jahitan anjuran KEMAS cuma dihadiri oleh gadis-gadis anak peneroka sahaja. Ini mungkin kerana ramai gadis berminat mempelajari berbagai fesyen pakaian yang diajar di kelas tersebut. Ada pula gadis yang

ditemui mengatakan ia menghadiri kelas tersebut kerana **bercita-cita** ingin membuka kedai jahit tanpa mengeluarkan **belanja yang** banyak untuk mempelajarinya. Ini kerana kelas jahitan itu **adalah** percuma.

Manakala bagi kegiatan memasak pula lebih ramai dihadiri oleh wanita isteri peneroka. Cuma dua atau tiga orang sahaja anak-anak gadis yang menghadirinya. Sementara kegiatan bercorak agama sambutannya adalah menggalakkan dari kedua-dua belah pihak. Samada kegiatan seperti bacaan yasin yang diadakan di rumah atau ceramah agama di masjid atau sekolah agama, kehadiran mereka adalah amat menggalakkan.

Jadi kita dapat lihat bahawa kegiatan seperti jahit menjahit lebih diminati oleh gadis-gadis, manakala kegiatan bercorak agama pula mendapat sambutan dari kedua belah pihak.

6.6. Pemilihan Ketua-Ketua

Dalam melihat peranan wanita dalam GPW, kita harus lihat juga kriteria-kriteria yang menyebabkan seseorang wanita itu dipilih sebagai ketua dan jawatan kuasa dalam satu-satu kumpulan.

Mula-mula dilihat bagaimana seorang ketua GPW yang juga sebagai ketua yasin, ahli jawatan kuasa JKKR dan UMNO dipilih. Ia dipilih mungkin berdasarkan kepada keadaan kehidupannya yang agak stabil dari segi ekonomi dan mempunyai anak-anak yang sudah besar iaitu yang bongsu berumur 17 tahun.

Walaupun pendidikannya hanya setakat darjah 5, namun pendidikan yang tinggi dicapai oleh anak-anaknya, iaitu 2 orang masuk Universiti dan seorang maktab, menyebabkan orang menaruh kepercayaan kepadanya untuk memimpin. Jadi pelajaran anak-anak ini menguatkan lagi pemilihannya sebagai ketua. Walaupun suaminya tidak aktif tetapi mungkin kerana umurnya yang agak tidak terlalu tua iaitu 42 tahun, ia lebih layak dipilih.

Ketua wanita UMNO sejak tahun 1971 dan bekas ketua GPW dari tahun 1971 hingga 1975 ini pula, agak berlainan kriterianya. Beliau berumur 40 tahun dan hanya mempunyai 2 orang anak yang keduanya sudah bekerja dan tinggal di tempat lain. Ini memudahkan lagi pergerakannya dalam aktiviti-aktiviti UMNO. Tambahan pula beliau merupakan ahli jawatan kuasa UMNO bagi kawasan Parlimen Panti, iaitu kawasan pilihanraya Datuk Musa Hitam. Suami beliau juga merupakan ketua kumpulan Ghazal Sri Jasa FELDA Pasir Raja.

Manakala bagi wanita-wanita lain yang dipilih sebagai ketua atau ahli jawatankuasa, biasanya mereka ini tidak mempunyai ramai anak ataupun mempunyai anak-anak yang sudah besar. Inilah yang menyebabkan mereka lebih mudah untuk bergiat cergas dalam persatuan. Faktor anak-anak ini adalah penting kerana wanita-wanita ini semuanya merasakan tanggung-jawab kepada rumah-tangga adalah penting. Terutama tanggung-jawab kepada anak-anak adalah perlu diberekan sebelum bergiat dalam persatuan.

Faktor keaktifan suami nampaknya tidak begitu penting kerana cuma beberapa orang saja di antara mereka ini suaminya bergiat cergas dalam persatuan. Yang lain-lainnya adalah cuma sebagai

ahli biasa sahaja. Taraf pelajaran juga tidak begitu penting kerana rata-rata, mereka adalah belajar di peringkat rendah sahaja. Seorang dari ketua blok ini adalah tidak bersekolah. Jadi walaupun beliau tidak pandai menulis dan membaca, namun faktor kepercayaan ahli-ahli blok kepadanya adalah amat penting.

6.7. Tuntutan Hak Wanita Dalam FELDA

Terdapat satu kes mengenai tuntutan hak wanita yang telah diceritakan oleh bekas ketua GPW (1971-1975) iaitu Puan Zawiyah Ubah. Peristiwa ini dikatakan berlaku pada bulan Disember, 1973, mengenai suami yang dikatakan berlaku zalim terhadap isterinya setelah ia berkahwin seorang lagi. Perkara kezaliman ini pada mulanya hendak dibawa ke dalam mesyuarat oleh ketua GPW. Akan tetapi sewaktu bermesyuarat dan perkara itu belum lagi ditimbulkan, tiba-tiba satu kumpulan wanita dari arah sekolah agama berarak membawa sepanduk wanita menuntut hak.

Perarakan itu sampai ke balairaya dan memberi surat, mengenai memorandum menuntut hak milik isteri separuh dari hasil ladang. Kebetulan di waktu itu terdapat pemberita akhbar yang membuat lapuran dan mengambil gambar menyebabkan pengurus merasa marah. Pengurus dan Pengerusi JKKR kemudiannya menyuraikan tunjuk perasaan itu secara aman. Setelah diadakan beberapa mesyuarat memorandum itu diterima oleh JKKR. Perarakan itu sebenarnya bukan anjuran GPW dan UMNO tetapi atas nama isteri peneroka. Akhirnya wanita UMNO mengambil-alih memperjuangkan nasib wanita.

Selepas tiga hari, banyak wanita UMNO dari beberapa bahagian seperti dari Muar, Pelentong dan di seluruh Johor, kemudiannya cawangan di negeri-negeri lain menyokong tindakan ini. Akhirnya pihak FELDA sendiri yang dibawah Yang Mulia Raja Alias telah turut memberi sokongan.

Memorandum yang dihantar itu antaranya menuntut hak, jikalau perceraian berlaku dan isteri tidak bersalah, setengah dari hasil ladang adalah diberi pada isteri. Kalau ia mempunyai anak, suku dari hasil suami itu diberi kepada anak. Pendapatan ini adalah setelah ditolak upah ladang iaitu pendapatan bersih sahaja.

Akan tetapi jika isteri yang didapati bersalah, ia langsung tidak mempunyai hak untuk mendapat apa-apa hak pun.

Jikalau si suami hendak kahwin lain dan menceraikan isterinya itu, hak suami tidak ada lagi sehingga isterinya kahwin lagi. Akan tetapi bila isteri itu telah berkahwin lain ia tidak berhak lagi tetapi terus dapat kepada anak-anak.

Memorandum ini yang kemudiannya telah disokong oleh wanita UMNO telah dibentangkan di Parlimen. Menurut kata Pengurus, syarat-syarat ini tadi telah dijadikan dasar pihak FELDA. Pihak FELDA telah membuat perubahan dinamakan 'Harta Sepencarian'.

6.8. Hak Harta Pencarian Wanita Dalam FELDA

Sehingga akhir bulan Oktober, 1983, bilangan isteri peneroka yang menuntut harta sepencarian ialah seramai 682 orang. Setakat ini 40 orang sudah menerima haknya dan 142 orang lagi

sedang menerima hak mereka. Perceraian yang berlaku dalam masa 6 bulan iaitu dari bulan Januari hingga Jun, 1983 ialah sebanyak 106. Bilangan ini adalah sedikit kalau dibandingkan dengan bilangan keluarga peneroka yang hampir mencapai 80,000 keluarga. Bilangan ini juga kurang dari negeri yang paling sedikit penceraianya iaitu negeri Melaka.

Mengenai dasar FELDA tentang harta pencarian, adalah didasarkan kepada kadar bayaran kembali peneroka kepada FELDA. Sebagai contoh kalau jumlahnya lima ribu ringgit, janda yang diceraikan berhak mendapat 50% atau dua ribu lima ratus ringgit. Bayaran bulanan yang diterimanya itu mestilah tidak kurang lima puluh ringgit dan tidak melebihi seratus lima puluh ringgit. Perempuan itu pula mesti keluar dari rancangan itu walaupun di pihak peneroka yang bersalah.

Peneroka adalah berhak untuk kahwin lebih dari seorang iaitu sehingga 4 orang isteri. Apabila si peneroka mati, bicara kuasa akan diadakan di mana semua waris dipanggil oleh Pengurus dan mereka diminta supaya dapat bertolak-ansur. Jika peneroka itu berkahwin lebih dari seorang, isteri yang berhak menerima harta sepencarian ialah, dia mesti masuk ke rancangan FELDA bersama dengan suaminya itu. Perceraian itu pula berlaku setelah hasil keluar kerana nilai yang dibayar adalah dari hasil yang keluar itu.

Jadi harta sepencarian ini adalah berhak dituntut oleh para isteri yang diceraikan oleh suami mereka. Ini adalah kerana segala tenaga dan usaha mereka sewaktu mula-mula masuk ke rancangan

patut dihargai. Mereka juga bersusah-payah sebelum hasil didapati
sedangkan di pihak suami terus mendapat haknya walaupun pekerjaan
di ladang dibuat bersama.

[1] Jarda Kadir - Strategi Pembangunan Sosial UUM, satu
siri seminar di Fakulti Pendidikan 1975 -
1985 - 2000 dan 1975 di U.S. S.L. (p.24).

RUMUSAN

Penubuhan kumpulan-kumpulan sosial dan ugama di rancangan tanah FELDA adalah amat mustahak dalam membangunkan sesebuah masyarakat FELDA itu. Ini adalah kerana selain dari tujuan FELDA untuk meninggikan pendapatan orang luar bandar berlipat-ganda dan mencapai taraf kedudukan dan penghidupan yang tinggi, FELDA juga ingin mengwujudkan "...Masyarakat petani moden yang progresif, dinamis dan bertanggung-jawab..."(1)

Jadi dengan penubuhan kumpulan-kumpulan yang bercorak sosial dan ugama, peneroka-peneroka dapat bergiat untuk sama-sama memajukan kumpulan yang mereka anggotai itu. Bagi mereka yang aktif dan memegang jawatan-jawatan yang penting, ianya akan melatih mereka sebagai seorang pemimpin di kalangan peneroka-peneroka.

Pergaulan yang rapat antara peneroka dengan pihak pentadbiran FELDA di sesebuah rancangan itu adalah sangat penting dan berguna. Tambahan pula dengan adanya perwakilan dalam JKRR yang fungsi utamanya sebagai suara peneroka di dalam sesebuah rancangan itu. Segala masalah dan cadangan yang ingin dikemukakan oleh pihak peneroka mudah difahami dan diselesaikan oleh pihak pentadbiran FELDA melalui JKRR ini. Jadi dengan adanya sistem perwakilan dalam JKRR, ini merapatkan lagi hubungan antara peneroka dan pihak pentadbiran, yang bukan sahaja membawa faedah kepada peneroka sahaja tetapi juga kepada rancangan.

(1) Jayos Pawiro - Strategi Pembangunan Sosial FELDA, satu kertas kerja di Seminar Peneroka 1975 - 18hb - 23hb Ogos 1975 di U.M. K.L. (m.s.4).

Kajian telah menunjukkan bahawa pihak pentadbiran FELDA, iaitu terdiri dari Pengurus dan pegawai-pegawainya bukan sahaja berhubung rapat dengan peneroka dalam soal pentadbiran sahaja, tetapi mereka juga terlibat dalam aktiviti seharian dan kegiatan para peneroka seperti menghadiri majlis perkahwinan, menyertai kumpulan yasin dan tahlil, bergotong-royong dan sebagainya. Ini mengeratkan lagi hubungan sosial antara peneroka dengan pegawai.

Perhubungan sesama peneroka dapat dieratkan lagi dengan menyertai berbagai-bagai kegiatan dalam persatuan. Di masa ini interaksi antara sesama peneroka adalah amat penting dalam mewujudkan sebuah masyarakat dalam rancangan FELDA. Dari kajian menunjukkan melalui kumpulan sosial dan ugama, hubungan antara peneroka dengan peneroka dapat dipereratkan. Diperhatikan bahawa mereka bukan sahaja berhubung semasa kegiatan kumpulan dijalankan, tetapi juga di waktu-waktu lain. Tambahan pula di rancangan FELDA ini yang dibahagikan kepada 3 peringkat, dengan adanya kegiatan-kegiatan kumpulan inilah mereka yang tinggal di berlainan peringkat dapat bertemu.

Dalam bab 5 telah diterangkan kumpulan-kumpulan sosial dan ugama yang terbahagi kepada peringkat rancangan dan blok. Dari kajian menunjukkan peneroka-peneroka adalah lebih berminat menganggotai kumpulan-kumpulan di peringkat blok seperti kumpulan yasin, gotong-royong, rawang dan sebagainya. Ini adalah kerana keahliannya hanya untuk ahli-ahli blok sahaja yang tinggal di satu kawasan yang sama. Sudah menjadi kebiasaan, mereka akan lebih mesra dengan jiran-jiran yang tinggal berhampiran mereka.

Satu lagi sebabnya ialah setengah-setengah **aktiviti dalam** blok, jika tidak menyertainya seperti merewang, **bergotong-royong** dan menghantar penanggung sewaktu kenduri, mereka akan **dipulaukan** jika mereka pula mengadakan kenduri. Hubungan timbal-balik begini mendorong mereka untuk menyertai kumpulan-kumpulan di blok.

Kumpulan yasin dan tahlil juga amat mendapat sambutan sehinggakan jika mereka tidak dapat menyertainya, anak-anak akan dihantar sebagai wakil supaya ahli-ahli dalam kumpulan itu tidak berkurangan. Ini disebabkan kegiatan demikian bercorak agama, maka walaupun diadakan setiap minggu mereka tetap menghadirinya.

Manakala kumpulan-kumpulan di peringkat rancangan yang mana semua peneroka menjadi ahlinya, sambutannya agak berbeza. Kegiatan yang bercorak agama adalah mendapat sambutan. Sementara kegiatan-kegiatan lain agak kurang mendapat sambutan. Ini disebabkan mereka merasakan kegiatan di peringkat blok adalah lebih penting dan banyak memberi faedah kepada mereka. Jadi cuma orang yang betul-betul berminat dan aktif dalam persatuan sahaja yang menghadirinya.

Golongan yang aktif dalam persatuan ini pula adalah orang yang sama aktif dalam kumpulan di peringkat blok dan rancangan. Ini adalah kerana orang yang aktif dan memegang jawatan penting dalam blok adalah ketua blok. Di peringkat rancangan, mereka ini juga yang dipilih sebagai ahli jawatan kuasa atau pegawai dalam kumpulan. Mereka ini bukan hanya aktif dalam satu persatuan sahaja tetapi juga dalam beberapa persatuan lain. Jadi orang yang sama memegang beberapa jawatan dalam kumpulan-kumpulan yang berlainan.

Bagi ahli-ahli biasa pula ramai daripada mereka ini tidak menyertai kegiatan-kegiatan dalam kumpulan di peringkat rancangan. Mereka banyak menganggotai di peringkat blok sahaja. Faktor utama yang menyebabkan mereka tidak melibatkan diri ialah pandangan mereka sendiri tentang baik buruknya mereka menyertai dalam kumpulan-kumpulan yang ditubuhkan itu. Alasan mengatakan kerja ladang menjadi penghalang tidak dapat diterima kerana mereka banyak mempunyai masa lapang, yang membolehkan mereka boleh pula melakukan kerja sampingan.

Peranan wanita melalui kegiatan GPW adalah tidak kurang pentingnya di rancangan FELDA ini. Kerana itu di tiap-tiap rancangan akan mempunyai pertubuhan GPW untuk kaum wanita menjalankan aktiviti yang mendatangkan kebaikan kepada mereka. Di dalam bab 6 terdapat penerangan yang lebih jelas tentang kegiatan mereka ini.

Oleh kerana rancangan ini sudah lama dibuka, peneroka dan isteri masing-masing sudah agak berumur dan mempunyai anak-anak yang sudah besar. Ramai daripada isteri-isteri tidak lagi menolong pekerjaan di ladang seperti di waktu mula-mula rancangan ini dibuka. Jadi peranan isteri adalah penting dalam kerja-kerja awal pembukaan ladang. Kerana itu hak mereka terhadap ladang tidak boleh diperkecilkan terutama bila berlakunya perceraian. Inilah yang mereka tuntutan dalam hak "Harta Sepencarian" di bab 6.

Di waktu ini, kerana tidak begitu sibuk lagi untuk menolong suami di ladang, mereka mempunyai banyak masa lapang. Masa lapang ini dipenuhi dengan menyertai berbagai kegiatan dalam kumpulan-kumpulan yang terdapat, terutamanya GPW yang banyak memberi pengetahuan-pengetahuan yang penting untuk kaum wanita.

Akan tetapi tidak semua wanita melibatkan diri dengan aktif dalam kegiatan-kegiatan kumpulan. Sebab-sebab mereka bergiat aktif atau tidak dapat dilihat dengan lebih jelas di bab 4. Faktor umur dan bilangan anak tidak mempengaruhi tahap penyertaan wanita dalam kegiatan kumpulan di rancangan ini. Dari segi umur, wanita yang menyertai kegiatan kumpulan adalah dari berbagai peringkat umur, jadi tiada pembahagian umur tertentu dalam menyertai kegiatan kumpulan. Begitu juga dari segi bilangan anak, wanita yang mempunyai bilangan anak yang sedikit dengan yang mempunyai bilangan anak ramai, penyertaan mereka adalah sama.

Seperti di pihak peneroka, di pihak isteri juga golongan yang aktif dan tidak aktif terdiri dari golongan yang sama. Orang yang sama, aktif dalam kumpulan di peringkat blok dan peringkat rancangan. Mereka inilah juga yang memegang beberapa jawatan dalam kumpulan-kumpulan yang berlainan. Akan tetapi golongan mereka ini adalah sedikit jika dibandingkan dengan isteri-isteri peneroka lain yang tidak aktif.

Sebagai rumusannya peranan wanita dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ugama adalah tidak kurang pentingnya. Mereka juga telah memberi sumbangan yang besar ke atas pembangunan di rancangan FELDA ini. Akan tetapi bila dilihat tahap penyertaan mereka, cuma segelintir golongan yang benar-benar aktif dan bergiat dalam berbagai-bagai kegiatan. Manakala yang lain hanya sebagai ahli biasa atau tidak menyertai langsung.

Untuk menggalakkan lebih ramai wanita bergiat dengan lebih aktif dalam kegiatan kumpulan terutama GPW, peranan suami

adalah penting dalam memberi sokongan dan galakan supaya isteri mereka lebih aktif. Penerangan dan perhatian yang lebih berat oleh ketua blok kepada ahli-ahli yang tidak menyertai apa-apa kegiatan adalah perlu untuk menarik minat mereka ke dalam kegiatan persatuan. Kegiatan-kegiatan yang lebih menarik yang bukan sahaja berguna kepada kaum wanita tetapi juga keluarga mereka serta dapat pula menambahkan pendapatan keluarga, patut diadakan. Dengan ini dapat menarik lebih ramai lagi kaum wanita menyertai kegiatan-kegiatan kumpulan terutamanya GPW.

Teaja

1. Ibrahim bin Mohd Dawki, Filipina dan MTO Midai (Segamat) K.L. Laporan Pengajian Melayu, K.L. 1971.
2. Mokiah Talib, Rancangan Tanah Sebagai Satu Strategi Pembangunan, Satu Kajian ke atas Rancangan-Rancangan Tanah negeri Kelantan, 1978.
3. Jacob Harun, Pembangunan Komuniti di rancangan FELDA, Satu Kajian ke atas Rancangan FELDA Sungai Tiang, Kedah, K.L. 1979.

Makalah dan Laporan Tahunan

1. Abdullah Yusoff, Dasar Penempatan dan Sistem Pemilikan Penebaka, Satu Kertas Kerja di Seminar Penebaka FELDA 1979, K.L.
2. Alimudin Hashim, Pembangunan FELDA yang Berterusan - Peranan Ketua-Bangsa Penebaka, Kertas Kerja di Seminar Penebaka FELDA 1979, K.L.

Bibliografi

1. Mac Andrews, Colin, Mobility and Modernisation, **The Federal Land Development Authority and Its Role in Modernising the Rural Malay**, Gadjah Mada Univ. Press. 1977.
2. Shamsul Amri Baharuddin, RMK tujuan dan pelaksanaannya, Satu Penilaian Teoritis, DBP, 1979.
3. Shamsul Bahrin, Tunku, and P.D.A. Perera, FELDA 21 Years of Land development, K.L. 1977.
4. Selimian, Tanah Rancangan Land Development Board - Land Development Project at Air Panas - annual report 1977, K.L.

Tesis

1. Ibrahim bin Mohd Rawal, Pimpinan dalam LKTP Midoi (Segamat) K.L. Jabatan Pengajian Melayu, U.M. 1971.
2. Rokiah Talib, Rancangan Tanah Sebagai Satu Strategi Pembangunan. Satu Kajian kes ke atas rancangan-rancangan tanah negeri Kelantan, 1978.
3. Yaacob Harun, Pembangunan Komuniti di rancangan FELDA, Satu kajian kes di rancangan FELDA Sungai Tiang, Kedah, K.L. 1975.


Makalah dan laporan tahunan


1. Abdullah Yusuf, Dasar Penempatan dan Sistem Pemilikan Peneroka, Satu Kertas Kerja di Seminar Peneroka FELDA 1979, K.L.
2. Alladin Hashim, Pembangunan FELDA Yang Berterusan - Peranan Ketua-ketua Peneroka, Kertas Kerja di Seminar Peneroka FELDA 1979, K.L.


3. FELDA in Brief, Ibu Pejabat FELDA, K.L.
4. FELDA, From Vision to reality, Ibu Pejabat FELDA, K.L.
5. FELDA, Laporan Tahunan FELDA : 1978, 1980 dan 1981, Ibu Pejabat FELDA, K.L.
6. Garis Panduan JKRR, Ibu Pejabat FELDA, K.L.
7. Jayos Pawiro, Strategi Pembangunan Sosial FELDA, Satu Kertas Kerja di Seminar Peneroka 1975, K.L.
8. Kelantan, Tanah Merah Land Development Board. Land Development Project at Air Lanas - annual report 1958/59, K.L.
9. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Penyata dan kira-kira tahunan 1964/65, K.L.



CARTA ORGANISASI FELDA 1983









Gambar A - Mesyuarat GPW sedang dijalankan



Gambar B - Kelas jahitan anjuran KEMAS
Di bangunan GPW.

Kumpulan Sosial & Uqama

1. Apakah kumpulan-kumpulan sosial & uqama yang ada dalam kampung ini. Nyatakan penyertaan anda.

Nama Kumpulan	R./ T.R.	Tahun ditubuhkan	Penyertaan						
			Ahli biasa		AJK nyatakan		tidak sertai		
			suami	isteri	suami	isteri	suami	isteri	

2. Bagi kumpulan yang resmi. Apakah sebab-sebab anda menyertai/tidak kumpulan-kumpulan tersebut. Susun jawapan mengikut kadar pertama, kedua dan ketiga.

Sebab menyertai	S	I	Sebab tidak menyertai		
				S	I
(1) sebagai peraturan Felda			(a) tidak mahu dipaksa menyertai sesuatu		
(2) banyak dapat faedah			(b) tidak berfaedah		
(3) menghabiskan masa lapang			(c) tidak ada masa lapang		
(4) minat dalam kesatuan			(d) tidak minat		
(5) ikut kawan			(e) kawan baik tidak sertai		
(6) lain-lain (nyatakan)			(f) lain-lain (nyatakan)		

3. Apakah faedah menyertai kumpulan ini. Susun mengikut pertama, kedua & ketiga.

S	I

- (1) Supaya dapat bergaul dengan orang ramai.
- (2) Supaya dapat bergaul rapat dengan pegawai Felda.
- (3) Untuk dapat pengalaman
- (4) Kita boleh diakui sebagai pemimpin
- (5) Lain-lain (nyatakan)

4. Bagi kumpulan tidak resmi. Sebab-sebab menyertai atau tidak menyertai. Susun mengikut pertama, kedua & ketiga.

Sebab menyertai	S	I	Tidak menyertai	S	I
(1) Banyak faedah			(a) tidak berfaedah		
(2) Ikut kawan			(b) kawan baik tidak serta		
(3) Kumpulan demikian mustahak bagi masyarakat			(c) Kumpulan demikian tak mustahak bagi masya.		
(4) Ada kaitan dengan ugama			(d) tiada kaitan dengan ugama		
(5) lain-lain (nyatakan)			(e) lain-lain (nyatakan)		

5. Adakah anda fikir kumpulan tidak resmi lebih berfaedah dari kumpulan resmi?

Ya

S

Tidak

I

Kalau Ya, susun jawapan mengikut pertama, kedua & ketiga.

Kalau tidak terus ke soalan 6.

1. Kumpulan tidak resmi ditubuhkan atas kehendak orang kampung.
2. tidak ada unsur paksaan dari luar.
3. tidak ada kongkongan dari luar.
4. lain-lain (nyatakan)

S	I

8. Nyatakan tiga (3) kumpulan tidak resmi yang paling berfaedah dari penilaian anda dan beri sebab-sebab.

Suami	Nama Kumpulan	Sebab
	1.	
	2.	
	3.	
Isteri		
	1.	
	2.	
	3.	

9. Nyatakan tiga (3) kumpulan resmi yang paling berfaedah dari penilaian anda dan beri sebab.

Suami	Nama Kumpulan	Sebab
	1.	
	2.	
	3.	
Isteri		
	1.	
	2.	
	3.	

12. Nyatakan antara kegiatan itu yang anda fikir sangat berfaedah untuk anda/masya.

Suami	Jenis kegiatan	Faedahnya					
		utk. diri/keluarga			utk. masyarakat		
		sangat berfaedah	sedehana	Tidak	sangat berfaedah	sedehana	Tidak
	1.						
	2.						
	3.						
	4.						
	5.						
Isteri	1.						
	2.						
	3.						
	4.						
	5.						

3. Adakah suami/isteri anda menggalak/menghalang penyertaan anda dalam kumpulan-kumpulan resmi/tidak resmi.

	k. resmi		k. tidak resmi	
	S	I	S	I
1. Ya, menggalakkan				
2. Menghalang				
3. Lain-lain, nyatakan.				

Pekerjaan
(Suami)

14. Saya ingin bertanya tentang pekerjaan tetap dan sampingan.

1. Jenis kerja tetap	Jumlah jam sehari/seminggu	Pendapatan sebulan	Dalam ran./ luar ran.
2. Jenis kerja sampingan			
Jumlah besar			

Pekerjaan.

(Isteri. Tulis "kerja rumah" bagi isteri yang tidak bekerja).

15.

1. Jenis kerja tetap	Jumlah jam sehari/seminggu	Pendapatan sebulan	Dalam ran./ luar ran.
2. Jenis kerja sampingan			
Jumlah besar			

16. (Suami sahaja).

Kenapakah anda merasakan perlu membuat kerja sampingan? Susun mengikut kadar pertama, kedua & ketiga.

1. Pendapatan dari kerja tetap tidak mencukupi.
2. Isteri/suami/anak boleh kerja tetap.
3. Jenis kerja tetap tidak menarik.
4. Hasil daripada kerja sampingan lebih lumayan.
5. Lain-lain (nyatakan).

--

17. (Isteri sahaja) Nyatakan sebab-sebab anda perlu bekerja.

18. (Suami sahaja) Nyatakan sebab-sebab isteri anda perlu bekerja.

19. Selain dari yang dinyatakan adakah keluarga anda mendapat sumber pendapatan lain. e.g. dari anak yang sudah bekerja, sewa rumah di kampung asal, dll.

Sumber	Jumlah sebulan/setahun
1.	
2.	
3.	

Pendapatan dan Perbelanjaan

20. Pendapatan anda sekeluarga sebulan ialah \$ _____

21. Nyatakan jenis-jenis kadar perbelanjaan yang penting bagi rumahtangga anda.

Jenis	Kadar sebulan/tahun	%
1. Makanan		
2. Pakaian		
3. Pelajaran anak-anak		
4. Perkakas rumah		
5. cukai		
6. yuran-yuran		
7. simpanan		
8. sumbangan kepada keluarga		
9. lain-lain nyatakan kalau banyak		

22. Pengerjaan Tanah dalam rancangan

Saiz tanah (ekar/ha)	Jenis Tanaman	Pengerja tanah eg. isteri, anak, penyewa, isteri + anak

23. Kalau penyewa, jawab soalan berikut:

Luas yang disewakan	Siapa penyewa eg. Sdr./orang luar ran.	Jenis sewaan eg. bagi dua	kadar sewaan eg. \$100/ sebulan

24. Berikan sebab-sebab tanah disewakan:

Hubungan Sosial

25. Kalau anda ada masalah, kepada siapa anda dulu mengadu?

Jenis masalah	Tempat mengadu	
	S	I
1. Hal kerja di ladang		
2. Hal rumahtangga eg. bergaduh dengan isteri/suami		
3. Hal kewangan eg. mahu meminjam wang		
4. Hal keluarga di kampung asal eg. ibu sakit		
5. Hal pelajaran anak		
6. Hal masyarakat eg. bergaduh dengan jiran		
7. Lain-lain nyatakan.		

26. Nyatakan kekerapan tiap-tiap orang berikut menyelesaikan masalah anda selama tinggal di rancangan.

Jenis/kategori orang	Kekerapan					
	Selalu		kadang-kadang		tidak pernah	
	S	I	S	I	S	I
1. Pegawai Felda di rancangan						
2. Pegawai Felda di Wilayah/ Ibu Pejabat						
3. Ketua blok						
4. Jiran						
5. Saudara di kampung asal						
6. Pemimpin lain di rancangan						
7. Lain-lain nyatakan						

27. Nyatakan kekerapan orang-orang berikut membuat keputusan untuk anda selama tinggal di rancangan.

Jenis/kategori orang	Kekerapan					
	Selalu		Kadang-kadang		Tiada pernah	
	S	I	S	I	S	I
1. Pegawai Felda di rancangan						
2. Pegawai Felda di Wilayah/ Ibu Pejabat						
3. Ketua blok						
4. Jiran						
5. Saudara di kampung asal						
6. Pemimpin lain di rancangan.						
7. Lain-lain nyatakan						

Kepimpinan

28. Apakah syarat-syarat untuk menjadi pemimpin mengikut pandangan anda? Susunkan mengikut pertama, kedua dan ketiga.

Jenis syarat	Susunan	
	S	I
1. Mesti amanah		
2. Mesti berpengalaman		
3. Mesti berpelajaran tinggi		
4. Mesti pandai bercakap		
5. Mesti bijak dalam selok-belok ugama		
6. Mesti kaya atau mewah		
7. Lain-lain nyatakan		

29. Siapakah antara berikut yang lebih layak jadi Ketua blok? Susun pertama, kedua & ketiga.

Jenis orang	Susunan	
	S	I
1. Orang alim ulamak		
2. Orang berpelajaran		
3. Orang ada harta		
4. Orang keturunan bangsawan		
5. Orang kuat politik		
6. Lain-lain nyatakan		

Soalan 30 ke 32 hanya untuk isteri.

30. Penglibatan isteri dalam kerja-kerja di ladang.
Nyatakan jenis, tempuh masa dan jumlah jam sehari.

Jenis kerja	Tempuh masa eg. 10-12am.	Jumlah jam sehari
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		

31. Siapakah yang membantu kerja rumah semasa membuat kerja di ladang.
e.g. siapa jaga anak kecil?

pembantu ialah: _____

32. Kalau isteri tidak terlibat dalam kerja ladang nyatakan sebab.
Sebab tidak menyertai kerja di ladang _____

33. Nyatakan bulan-bulan manakah yang anda biasanya paling sibuk dengan kerja ladang.

Bulan	Paling sibuk		Sederhana		Tiada banyak/ Tiada kerja	
	S	I	S	I	S	I
Januari						
Februari						
Mac						
April						
May						
Jun						
Julai						
Ogos						
September						
Oktober						
November						

34. Kegiatan dalam sehari.

Masa	Kegiatan					
	Suami		Isteri		Anak	
	Peak	Off	Peak	Off	Peak	Off
1.00 a.m.						
2.00 a.m.						
3.00 a.m.						
4.00 a.m.						
5.00 a.m.						
6.00 a.m.						
7.00 a.m.						
8.00 a.m.						
9.00 a.m.						
10.00 a.m.						
11.00 a.m.						
12 tghari						
1.00 p.m.						
2.00 p.m.						
3.00 p.m.						
4.00 p.m.						
5.00 p.m.						
6.00 p.m.						
7.00 p.m.						
8.00 p.m.						
9.00 p.m.						
10.00 p.m.						
11.00 p.m.						
12 tgh mlm.						